



منجايان واورسن نكارا

MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

23 Februari 2017

BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN KE-33

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

23 FEBRUARI 2017



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

Terbitan

Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2017

Hak Cipta

Jabatan Penerangan

Penyelaras

Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Susunan/Kompilasi/Taip Set

Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

Penyemak

Ramlah binti Mohd. Nor
Norhafilah binti Rosli

Reka Letak/Reka Bentuk Kulit Luar

Khairul Shahrin bin Haji Abdul Ghafor

Dicetak oleh

Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd

Foto

Unit Fotografi
Jabatan Penerangan

ISBN

978-99917-84-02-1

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 pada 23 Februari 2017	1 - 2
Majlis Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33	4 - 7
Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33	10 - 17
Lebih 6,000 peserta warnai persembahan tema Menjayakan Wawasan Negara	18 - 22
Warna-Warni Hari Kebangsaan	23 - 30
Bendera besar megah berkibar di ibu negara	32 - 35
Poster Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33	37
Logo Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Melambangkan 33 Tahun Kemerdekaan	38 - 40
Ikrar Hari Kebangsaan	41
Rencana Khas Pelita Brunei Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33	42

Rakyat sihat bantu pembangunan negara	43 - 45
Negara sentiasa memartabatkan Islam	46 - 48
Belia generasi penerus kecemerlangan negara	49 - 51
Keteguhan Perkhidmatan Awam kekuatan negara	52 - 54
Transformasi ke arah pengguna jalan raya yang selamat	55 - 58
FDI sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi	59 - 62
Majukan Industri Halal Brunei	63 - 66
Bersatu menangani cabaran ekonomi negara	67 - 69
Generasi berilmu pemangkin tranformasi negara	70 - 73
Menjayakan wawasan negara	74 - 77
Keusahawanan penting jana pelbagai sumber ekonomi	78 - 80
Bersama menjaga, mengekalkan kedaulatan bumi tercinta	81 - 83
Hubungan diplomatik terus mantap	84 - 85
Menjana industri pelancongan	86 - 88
Catatan	89 - 90



Titah

*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-33 pada 23 Februari 2017*

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen,
Sayyidinaa Muhammadin, Wa'alaa Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

MARILAH kita merafa'kan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat menyambut Hari Kebangsaan Ke-33 pada tahun ini dalam keadaan aman dan makmur.

Pada tahun ini, kita menyambutnya dengan tema 'Menjayakan Wawasan Negara'. Tema ini sangatlah bersesuaian setelah tiga tahun berturut-turut kita memakai tema 'Generasi Berwawasan'.

Wawasan Brunei 2035 telah menetapkan Tiga Matlamat Utamanya. Bagi merealisasikan matlamat ini, beta telah pun memperkenalkan Kerangka Kerja, yang antara lain, menggariskan bidang-bidang utama yang perlu diberikan perhatian serta ke arah pencapaian hasil-hasil yang perlu dicapai. Peneraju-peneraju bagi setiap strategi juga telah dilantik.

Kita tidaklah wajar membiarkan wawasan ini sebagai satu retorik intelektual semata-mata, yang cuma indah dalam sebutan. Tetapi kita mesti melaksanakannya dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh. Kita perlu bertindak lebih tangkas bagi menghasilkan impak yang tinggi yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

Untuk ini semua, kita diperlukan terlebih dahulu, untuk bersatu padu. Jangan berpecah-belah. Pastikan, semua usaha yang dibuat adalah secara muafakat, relevan dan menepati peredaran masa. Inilah rahsia atau kunci kejayaan bagi Wawasan Negara 2035.

Ini, meliputi untuk semua, sama ada sektor kerajaan mahupun swasta adalah mustahak untuk memupuk kerjasama dan persefahaman, dalam makna, semua kita adalah dikehendaki untuk bekerja dalam satu pasukan tanpa melakukan perkara-perkara yang menyalahi peraturan atau undang-undang.

Walaupun kita sudah memiliki infrastruktur, teknologi, peralatan, mekanisme dan sistem yang baik, namun jika 'dalaman' kita tidak baik, maka hasilnya tetap tidak baik juga. Misalnya apabila di dalam kerajaan terdapat mekanisme yang 'korup', mati sekalipun ianya dari kalangan ilmuwan dan mempunyai kemahiran tinggi, namun sikapnya yang 'korup' itu tidak akan menolong untuk membawa kebaikan, malah sebaliknya menjerumuskan negara kepada keburukan.

Inilah yang perlu kita kawal untuk mengelakkan negara dari mengalami perkara-perkara yang tidak diingini.

Kita sudah melihat atau mendengar, banyak kejadian yang tidak diingini berlaku di mana-mana, seperti amalan-amalan pecah amanah, rasuah dan lain-lain. Kita juga turut mengetahui, bahawa tempat-tempat yang dilanda oleh gejala-gejala seperti ini tidak sunyi dari mengalami pelbagai kesusahan. Oleh itu, dalam hubungan ini, Brunei mestilah selalu waspada, sambil mengambil iktibar daripadanya.

Pengisian Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini, eloklah lebih menekankan kepada pembentukan sifat-sifat dalaman yang sihat, seperti jujur, amanah dan setia. Tanpa semua sifat-sifat ini, jentera kehidupan atau jentera pentadbiran tidak akan dapat berjalan baik, bahkan sebaliknya boleh bermasalah dan lemah.

Semua program adalah wajar bersifat ilmiah dan bercorak inklusif serta mampu untuk merentasi semua generasi. Tujuan kita dengan ini, ialah supaya semua peringkat, secara sambung bersambung, akan dapat memahami erti sebenar kemerdekaan.

Maka dengan itu, barulah nanti akan dapat diharapkan semua pihak, khasnya para generasi yang menyusul

kemudian, akan benar-benar terikat kepada menghargai dan menyayangi kemerdekaan.

Seyogiad diingat, bahawakemerdekaanadalahsebahagian dari sejarah bangsa, dan malah merupakan ‘mahkota’ bangsa. Mencuaikan kemerdekaan bermakna mencuaikan sejarah, serta sekali gus ‘menyambaranakan’ mahkota bangsa.

Akhirnya, beta dengan ikhlas merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peserta dan petugas serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi serta Ahli-ahli Jawatankuasa yang sama-sama berusaha dalam menjayakan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-33 pada tahun ini.

Beta juga merakamkan ucapan penghargaan kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini termasuk semua peringkat warga Perkhidmatan Awam, meliputi juga mereka yang bertugas di luar negara, pasukan-pasukan Keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta dengan iringan doa, semoga kita dan negara akan sentiasa terpelihara dan mendapat perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata’ala jua. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Majlis

*Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah,
Sembahyang Sunat Hajat,
Membaca Surah Yaa Siin, Doa Kesyukuran dan
Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah
Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-33*

**Majlis Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah,
Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin,
Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah
Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-33**

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 1438 Hijrah/2017 Masihi yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke majlis tersebut dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33, Tahun 1438H/2017M.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Sejurus keberangkatan baginda dan kerabat diraja yang lain, azan maghrib telah dilaungkan oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Ia diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang kemudiannya memimpin bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai.

Doa Kesyukuran dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sementara itu, azan Isyak dikumandangkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Majlis kesyukuran tersebut juga telah diadakan di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan mengikut daerah-daerah seperti di Daerah Brunei dan Muara di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan; Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Manakala di Daerah Belait pula ialah di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria, Daerah Belait.

Sementara itu, bagi Daerah Tutong diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 1438 Hijrah/2017 Masihi. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda baginda, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah.



ANTARA yang hadir pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 1438 Hijrah/2017 Masihi.

Majlis Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33

Majlis Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit (tiga, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 1438 Hijrah/2017 Masihi di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Majlis Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong

TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof (empat, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 1438 Hijrah/2017 Masihi di Masjid Hassanal, Kuala Belait.



Majlis Utama Mohammad Salleh, Temburong



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 1438 Hijrah/2017 Masihi di Masjid Utama Mohammad Salleh, Temburong.



***Perhimpunan Agung Sambutan
Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-33***



NEGARA Brunei Darussalam sekali lagi melakar sejarah dengan meraikan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-33, walaupun hujan namun ia satu kerahmatan buat seluruh rakyat dan penduduk untuk merasa kemeriahan dan yang penting menaikkan rasa cintakan negara, Raja, bangsa dan agama berlandaskan Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir.

Semangat itu terus berkobar dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Taman Haji Muda Sir Omar 'Ali Saifuddien bagi menyertai rakyat dan penduduk di negara ini ke Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral [B] Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dilaungkan sejurus keberangkatan tiba dan setelah itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung bagi memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei.

Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 bermula dengan upacara perbarisan lalu di hadapan Pentas Diraja oleh lebih 23 ribu orang peserta yang mewakili 133 buah pasukan dengan didahului oleh Pembawa Bendera Negara Brunei Darussalam berukuran besar yang diikuti oleh Pasukan Pembaca Ikrar, Pasukan Pembawa Bendera-Bendera Logo Hari Kebangsaan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Polis Diraja Brunei, Pasukan Berpakaian Seragam, peserta Program Khidmat Bakti Negara, Pasukan Orang-Orang Berkeperluan Khas, Pasukan Cemerlang, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, wakil daerah-daerah dan sektor swasta.

Sambutan terus diwarnai dengan persembahan menarik 'Bicara Berirama' dengan penuh semangat yang disertai seramai 433 orang peserta dari Sekolah Rendah Anggerek Desa, Sekolah Rendah Haji Muhammad Jaafar Maun, Kiulap; Sekolah St. George's dan pelatih-pelatih Program Khidmat Bakti Negara pengambilan ke-6.

Sementara itu, pasukan-pasukan dari institusi-institusi pengajian tinggi, maktab-maktab, sekolah-sekolah, persatuan-persatuan, Pertubuhan Awam dan Pasukan Warga Asing di Negara Brunei meneruskan upacara perbarisan berkenaan dengan meriah.

Ikrar Hari Kebangsaan kemudian dilafazkan, yang dikepalai oleh Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Muhammad Ihsan Sabri bin Haji Abd. Manap, sebagai tanda menzahirkan rasa

syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya sebagai tanda bersatu padu dan menumpukan taat setia di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Laungan takbir 'Allahu Akbar' dilaungkan sebanyak tiga kali oleh Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim terus menyemarakkan lagi sambutan yang penuh gilang-gemilang.

Rombongan pembaca ikrar tersebut juga disertai oleh para peserta berkeperluan khas yang menggunakan bahasa isyarat.

Persembahan bertemakan 'Menjayakan Wawasan Negara' melibatkan seramai 6,833 peserta yang mewakili pelbagai sektor dan agensi pembangunan negara termasuk belia-belia yang mewakili sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan institusi-institusi pengajian tinggi dengan megah mempamerkan persembahan tema tahun ini iaitu dengan membawa segenap lapisan masyarakat untuk menghayati peranan mereka dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sebelum berangkat meninggalkan upacara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada para peserta yang menjayakan sambutan tahun ini.

Tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 ialah 'Menjayakan Wawasan Negara' merupakan gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tema berkenaan juga menyifatkan pandangan baginda yang jauh ke hadapan memastikan negara ini dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang memiliki rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik serta berdaya tahan.

Bagi mencapai wawasan tersebut, tiga nilai utama perlu diterapkan iaitu kesetiaan kepada Raja dan negara, keyakinan terhadap nilai-nilai Islam, keharmonian sosial dan amalan tradisi.

Ini sekali gus mengingatkan agar setiap rakyat dan penduduk serta segenap sektor dalam pembangunan negara mempunyai peranan dalam memastikan Wawasan Brunei 2035 itu tercapai dan berjaya.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa berkenan memeriksa barisan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama peserta-peserta persembahan padang.



PASUKAN pembawa Bendera-Bendera Logo Hari Kebangsaan semasa Upacara Perbarisan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33.



BACAAN ikrar Hari Kebangsaan dikepalai oleh Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Muhammad Ihsan Sabri bin Haji Abd. Manap.



PASUKAN dari Kementerian Perhubungan penuh semangat menyertai perbarisan lalu semasa Upacara Perhimpunan Agung Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017.



PASUKAN beruniform dengan penuh semangat menyertai perbarisan lalu semasa Upacara Perhimpunan Agung Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017.



PASUKAN Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam menyertai acara perbarisan sempena Upacara Perhimpunan Agung Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017.



PASUKAN dari institusi-institusi pengajian tinggi, maktab-maktab dan sekolah-sekolah yang menyertai Upacara Perbarisan Lalu.

Lebih 6,000 peserta warnai persembahan tema Menjayakan Wawasan Negara

A CARA Kemuncak Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara diwarnai dengan Persembahan Tema 'Menjayakan Wawasan Negara' yang dijayakan oleh 6,833 peserta mewakili pelbagai sektor dan agensi pembangunan negara termasuk para pelajar sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan institusi-insitusi pengajian tinggi.

Persembahan tema membawa segenap lapisan masyarakat untuk menghayati peranan mereka dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, di mana di dalamnya dipersembahkan Sub Tema persembahan iaitu peranan pelbagai lapisan masyarakat dalam menjayakan Wawasan Negara 2035.

Sinopsis persembahan tema membawa para penonton untuk menghayati peranan individu dalam pembangunan negara, bermula dari kanak-kanak sehingga dewasa, di mana dalam babak pertama, sebagai seorang murid, kanak-kanak perlu melengkapkan diri mereka dengan ilmu dan pengetahuan serta kepekaan dalam menjaga masa kerana masa adalah emas dan haruslah diisi dengan kegiatan yang bermanfaat.

Babak kedua pula menekankan peranan belia sebagai ejen transformasi negara, seterusnya babak ketiga menggambarkan kecemerlangan yang akan dicapai jika warga berjaya berperanan memajukan bangsa dan negara, sementara babak keempat menggambarkan kepentingan keluarga bahagia sebagai tunjang kepada pembangunan masyarakat yang berjaya, dan babak kelima akhirnya menggambarkan kecemerlangan bangsa dan negara dalam mencapai wawasan negara, bangsa yang sehati senada akan mencapai kemajuan bersama-sama.

Terdahulu buat julung kalinya diadakan Persembahan Bicara Berirama yang dipersembahkan oleh seramai 433 peserta melibatkan penuntut dari Sekolah Rendah Anggerek Desa, Sekolah Rendah Haji Muhammad Jaafar Maun Kiulap, Sekolah St. George's dan pelatih Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan Ke-6.

Persembahan ini menekankan peranan generasi muda yang terdiri dari kanak-kanak dan belia dalam melengkapkan bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Antara sinopsis Persembahan Bicara Berirama ialah mengutarakan suara belia harapan berkaitan tema sambutan Hari Kebangsaan iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara', dengan menjelaskan bagaimana para belia ini dapat menjayakan wawasan negara tersebut dengan mendidik jiwa ke arah kebaikan; sentiasa menjaga kehormatan diri; memelihara keperibadian; dan mengawal penampilan dengan berlandaskan ajaran agama Islam.

Namun apakah yang perlu dimiliki oleh para belia ke arah mencapai wawasan negara itu? Iaitu dengan mempunyai kesedaran diri; mampu melaksanakan segala perancangan matlamat hidup dengan tindak-tanduk perbuatan; mempunyai jati diri serta keperibadian yang luhur agar terhindar dari kemunduran dan kerosakan; dan memiliki mindset yang positif, berkeyakinan diri, dinamik, kreatif, berinovatif serta bertanggungjawab yang benar-benar diperlukan untuk menggerakkan negara dengan tidak bergantung kepada pihak kerajaan semata-mata.

Mereka juga menyebut tentang peranan ibu bapa dalam membimbing ke arah berbudi bahasa dan bersopan santun sejak kecil lagi, selain mengajarkan untuk sentiasa mempunyai sifat hormat-menghormati, bersopan santun, bertolak-ansur kepada orang lain tanpa mengira bangsa dan agama dan tidak melakukan kekotoran di negara sendiri dengan membuang sampah di merata tempat dan sebagainya.



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam gembira menyaksikan persembahan yang membawa tema 'Menjayakan Wawasan Negara' semasa Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33.

Juga turut disentuh ialah mengenai perimustahaknya budi bahasa untuk melahirkan belia yang mulia, unggul dan utopia, demi merealisasikan aspirasi negara ke arah Wawasan Negara 2035, seumpama pepohon yang terus bergoyang, biarlah matahari terus bersinar dan biarlah Negara Brunei Darussalam terus disegani kerana kekayaan budi bahasa rakyatnya.

Pada mengakhiri persembahan Bicara Berirama itu, mereka menyeru kepada para belia muda mudi di negara ini untuk sama-sama bangkit memajukan diri masing-masing

dan seterusnya menjadi kelompok belia Muslim yang berguna yang dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara dan kemajuan ummah melalui pendidikan yang disediakan oleh pihak kerajaan, yang sempurna dan seimbang iaitu pendidikan yang berteraskan kepada agama dan akademik.

Di samping itu mereka turut mengingatkan bahawa ketika ini banyak gejala sosial seperti pengambilan bahan terlarang, pergaulan bebas, pemugut, dan sebagainya yang berlaku di segenap lapisan masyarakat kitani, dari itu mereka menyeru bahawa kita harus sedar dan berusaha dengan menguatkan dan mengukuhkan lagi 'Iman' diri kerana disebabkan terlalu banyak berlakunya gejala-gejala tersebut, pihak kerajaan mahupun masyarakat telah mengambil inisiatif bertungkus lumus membanteras masalah berkenaan.

Upacara persembahan padang terus disemarakkan dan diwarnai dengan penuh gilang-gemilang, sorak tawa segenap lapisan masyarakat dan penduduk di negara ini yang datang menyaksikan sambutan berkenaan terdiri dari pelbagai lapisan bangsa dan agama tetap memeriahkan lagi suasana taman dan bandar itu sendiri bagi sama-sama menzahirkan semangat patriotisme yang tinggi dalam menyanjungi, mencintai dan mempertahankan negara dari sebarang anasir-anasir yang negatif.

Sementara itu, dalam Upacara Perbarisan Lalu menyaksikan penglibatan 136 pasukan yang melibatkan 23,000 peserta termasuk pasukan pembaca ikrar, pasukan pembawa bendera-bendera, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pasukan Beruniform, Pelatih Program Khidmat Bakti Negara, Pasukan Orang-Orang Berkeperluan Khas, Pasukan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda dan adinda gembira dan melambaikan tangan kepada para peserta yang mengambil bahagian semasa upacara kemuncak sambutan tersebut.



PARA peserta penuh bersemangat membuat persembahan meskipun dalam suasana hujan yang lebat demi menjayakan Sambutan Hari Kebangsaan.



DI ANTARA lebih enam ribu peserta yang terdiri daripada kanak-kanak hingga dewasa dengan penuh semangat patriotisme menjayakan persembahan yang menekankan peranan belia sebagai ejen transformasi negara.





SUASANA keindahan kemuncak Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33 yang penuh gilang-gemilang dan warna-warni di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.



ORANG ramai tidak melepaskan peluang hadir dan menyaksikan suasana sambutan tersebut.
Muka Surat 22

Warna-warni Hari Kebangsaan



















***Upacara Menaikkan Bendera Besar
Negara Brunei Darussalam dan
Penyerahan Bendera Negara dan Poster
Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-33***

Bendera besar megah berkibar di ibu negara

RAKYAT yang bernaung di bawah bumi Brunei Darussalam hendaklah menanamkan semangat patriotik pada bendera negara kerana bendera itu adalah identiti kebangsaan kita.

Sehubungan itu, Upacara Menaikkan Bendera Besar sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, 2017 berlangsung di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Turut hadir, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33, 2017.

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Mudim Awang Haji Matassim bin Haji Metussin.

Seterusnya diikuti dengan penyerahan bendera besar oleh tetamu kehormat kepada anggota Tentera Laut Diraja Brunei yang kemudiannya melaksanakan upacara menaikkan bendera dengan iringan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh kumpulan koir yang terdiri daripada 39 penuntut lelaki dan 28 penuntut perempuan dari Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar serta diiringi oleh Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Majlis tersebut disemarakkan lagi dengan persembahan dua buah lagu patriotik oleh kumpulan koir Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar bersama kibaran bendera kecil.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan seterusnya menyampaikan bendera-bendera dan poster-poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tahun ini kepada Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mislé bin Haji Abdul Karim; Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman; Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain dan Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud.

Pengibaran bendera merupakan satu simbolik dan platform dalam menzahirkan perasaan cinta serta semangat patriotik kepada Raja, negara, bangsa dan agama serta kesatuan dan perpaduan pada mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan serta identiti bangsa.

Juga hadir ialah Timbalan-timbalan Menteri, Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Daerah serta wakil-wakil dari jabatan-jabatan kerajaan, swasta, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menaikkan Bendera Besar sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, 2017.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman selaku Tetamu Kehormat menyerahkan bendera berukuran besar kepada kepada anggota Tentera Laut Diraja Brunei.



ANGGOTA Tentera Laut Diraja Brunei yang kemudiannya melaksanakan Upacara Menaikkan Bendera Besar dengan iringan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.



PELATIH Program Khidmat Bakti Negara turut hadir pada Upacara Menaikkan Bendera Besar sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, 2017.



KUMPULAN koir yang terdiri daripada 39 penuntut lelaki dan 28 penuntut perempuan dari Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar turut serta dalam upacara tersebut.



Poster
Sambutan Ulang Tahun
Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-33

سمبوتن اولغ تاهون هاري كبغسان نكارا بروني دارالسلام ك-٣٣

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-33



Menjayakan Wawasan Negara

Di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin

26 Jamadilawal 1438 / 23 Februari 2017



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



Layari ePaper
Pelita Brunei



*Logo Sambutan Ulang Tahun
Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam
Melambangkan 33 Tahun Kemerdekaan*

LOGO HARI KEBANGSAAN 2017

LOGO terdiri dari pelbagai elemen yang menjadikan sekuntum bunga simpur yang mekar. Pelbagai elemen membawa maksud setiap ejen (sumber manusia, sumber alam dan sistem pentadbiran) berperanan mengisi agenda pembangunan negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035:




Logo ini diilhamkan dari bunga simpur yang mempunyai tujuh (7) kelopak di dalam membawa maksud tujuh (7) puak Melayu Brunei, bersatu berperanan menjayakan wawasan negara. Dua (2) simpulan menghala keluar memberi maksud tujuh (7) puak bersama dengan rakyat dan penduduk yang hidup di bumi Darussalam sama-sama menjayakan wawasan.



Panji-panji di tengah dan di atas logo, dijulang tinggi oleh kelopak bunga dan bintang, menandakan agenda pembangunan negara berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja. Survival bangsa dan negara bergantung kepada rakyat dan penduduk yang bersatu padu menjayakan wawasan negara.



Penggemblengan dua (2) kelopak bermaksud pertalian yang kukuh dalam agenda pembangunan negara, pertalian ini termasuk antara Kerajaan dan Swasta; Kerajaan dan Orang Ramai; Generasi Muda dan Tua; Guru dan Pelajar; dan sebagainya. Kepentingan ilmu dan kemahiran dalam mencapai wawasan negara adalah penting. Begitu juga dengan pertalian iman dan amal dalam mengharungi kehidupan.



Tiga belas (13) bintang di dalam bunga simpur bermaksud tiga belas (13) strategi dalam mencapai wawasan negara. Bintang dalam bunga berkenaan membawa maksud bahawa Wawasan Negara 2035, insyaaAllah menjadikan masa hadapan generasi pewaris yang cemerlang dan berdaya tahan.



Angka tiga puluh tiga (33) dalam tulisan Rumi dan Jawi bermakna negara sudah tiga puluh tiga (33) tahun menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Ikrar Hari Kebangsaan

Dengan bersyukur di atas limpah dan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala yang mentakdirkan kami bernegara merdeka penuh berdaulat, iaitu Negara Brunei Darussalam maka kami berikrar akan:

Bersatu padu dan menumpukan taat setia di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;

Mempertahankan dan menjunjungnya dengan setia sebagai Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunah Waljamaah sebagai cara hidup yang lengkap;

Berbakti dan rela berkorban pada mempertahankan maruah dan kedaulatannya serta memelihara keamanan dan keselamatannya;

Mendukung nilai-nilai akhlak yang sempurna, serta taat dan menjunjung keluhuran undang-undangnya;

Bekerja dengan gigih, jujur lagi amanah pada meningkatkan kemajuan dan kemakmurannya yang direcai oleh Allah.



***Rencana Khas Pelita Brunei
Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-33***

Rakyat sihat bantu pembangunan negara



Oleh :
Sastra Sarini Haji Julaini

KEMBANG majunya sebuah negara sama ada negara maju mahupun yang sedang membangun bukan hanya semata-mata ditentukan oleh status ekonomi atau pertahanannya akan tetapi ia juga berkait rapat dengan kualiti kesihatan, di samping aspek lain seperti kebudayaan dan alam sekitar.

Dengan persekitaran yang baik, ia boleh mendorong dan memberi impak yang sangat positif ke arah pembangunan dan kemajuan sesebuah negara.

Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada senario ini dan ia dapat dilihat melalui perhatian berat yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa terpelihara dan ini termasuk perkhidmatan penjagaan kesihatan.

PERKHIDMATAN KESIHATAN LEBIH SEABAD

Negara menyambut perkhidmatan kesihatannya yang ke-100 tahun pada 2007 dan ini sudah cukup membuktikan bidang kesihatan negara ini bukanlah satu perkara baharu. Sejarah awal mencatatkan bidang kesihatan sudah wujud di negara ini seawal 1907 lagi.

Pada sambutan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, kesihatan negara ini menempuh zaman susah dan senangnya, turut dibahagi oleh keperitan peperangan dunia pertama dan kedua, wabak-wabak penyakit yang melanda penduduk dunia dan kini sedang mengecap nikmat kemakmuran. Namun kemakmuran sahaja belum sah sempurna tanpa perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Rakyat dan penduduk perlu mendapat jaminan kesihatan yang sebaik-baiknya, supaya mereka dapat melepaskan diri dari pelbagai ancaman penyakit.

Pelbagai sejarah dicipta seperti kejayaan menghapuskan Wabak Polio pada 1960, cabaran menghadapi penyakit kolera pada sekitar 1960 dan 1970-an, kejayaan menghantar buat pertama kalinya seorang warga tempatan untuk menjalani latihan di bidang pergigian ke New Zealand pada 1971, kejayaan menghapuskan Poliomilitis pada Oktober 2004 dan banyak lagi.

Bidang kesihatan di negara ini terus bergerak positif dan perkembangan sejak 20 tahun kebelakangan adalah lebih ketara dengan peningkatan kadar jangka hayat penduduk di negara ini secara purata daripada 74 tahun kepada 77 tahun. Manakala nisbah kematian ibu (maternal mortality ratio) di negara ini pada 2015 adalah yang terendah di ASEAN dan kadar kematian kanak-kanak di bawah 5 tahun (under 5 mortality rate) bagi setiap 1,000 kelahiran (livebirths) pada 2014 ialah 10 orang yang merupakan lebih baik daripada sasaran

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) melalui inisiatif Matlamat Pembangunan Berdaya Tahan (Sustainable Development Goals) iaitu untuk mengurangkan kadar kematian kanak-kanak di bawah 5 tahun kepada 25 orang bagi setiap 1,000 kelahiran menjelang 2030.

Mengimbas kembali tahun 2016 memberi cabarannya tersendiri termasuk dalam bidang kesihatan. Dengan penularan Virus Zika yang dibawa oleh nyamuk *Aedes Aegypti*, iaitu nyamuk yang juga pembawa penyakit denggi dan chikungunya. Nyamuk *Aedes* merupakan nyamuk yang lazim didapati di negara-negara tropikal termasuk Negara Brunei Darussalam. Secara utamanya, jangkitan ini merebak daripada seorang individu yang mempunyai virus tersebut kepada seorang individu yang sihat melalui gigitan nyamuk *Aedes*. Jangkitan juga pernah dilaporkan terjadi daripada ibu kepada anak dalam kandungan dan melalui hubungan kelamin.

Alhamdulillah, berkat pelaksanaan langkah-langkah pemantauan, pencegahan dan pengawalan termasuk pemantauan entomologi dan pengawalan vektor oleh Kementerian Kesihatan, tiada kes jangkitan Virus Zika dilaporkan di negara ini.

KEUTAMAAN STRATEGIK

Pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi menjelaskan, dalam sama-sama menuju ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035 dan melalui visi ‘Bersama Ke Arah Warga Sihat’, Kementerian Kesihatan akan memberikan keutamaan perbelanjaan untuk tempoh 5 tahun mendatang kepada tiga keutamaan strategik, iaitu menerapkan bahawa kesihatan adalah tanggungjawab semua; mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCDs); dan memberi perkhidmatan cemerlang melalui penyepaduan (consolidation) dan pensejajaran (realignment) perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan kesihatan demi memberikan nilai tambah kepada para pelanggan ataupun orang awam dan mengurangkan serta menghentikan pembaziran.

MEMUPUK KESEDARAN

Isu obesiti menjadi salah satu masalah kesihatan yang dihadapi di negara ini dan ia turut menerima perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah baginda sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1437 Hijrah/2016 Masihi.

“Baru-baru ini kita mendengar atau membaca laporan Global Nutrition Report 2016 yang menempatkan Brunei Darussalam sebagai negara ‘ranking’ tertinggi bagi obesiti dalam kalangan orang dewasa di rantau ASEAN.

Manakala hasil Kajian Status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam sendiri pula, telah mendapati, bahawa tahap peningkatan berat badan berlebihan dan obesiti adalah sangat tinggi, mencapai sehingga 61 peratus dewasa. Sementara kesan dari masalah ini, telah pula dibutirkan sebagai : lebih dari 30 peratus penghidap tekanan darah tinggi, 12.4 peratus penghidap diabetes dan 70 peratus penderita dari kolesterol tinggi,” titah baginda.

Baginda menyeru agar kita mestilah memupuk kesedaran agar semua orang menjalani gaya hidup sihat dan gaya pemakanan sihat. Justeru, pihak-pihak yang berkenaan hendaklah memberikan tunjuk ajar dan bimbingan kepada masyarakat.

Kanser juga merupakan salah satu penyakit tidak berjangkit yang mengakibatkan kadar kematian yang paling tinggi di negara ini. Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain pada Majlis Perasmian Jerayawara dan Forum Perdana bersempena Sambutan Hari Kanser Sedunia 2017 berkata pada tahun lalu sahaja seramai 600 orang di negara ini didiagnosis menghidapi kanser.

Ini sudah cukup menggambarkan jika langkah-langkah pencegahan tidak diambil di peringkat awal lagi, penyakit-penyakit tersebut akan memberikan kesan yang lebih teruk lagi dan boleh menjejaskan masa depan rakyat dan penduduk negara ini, termasuklah kestabilan negara.

Alhamdulillah, dewasa ini kesedaran untuk mengamalkan hidup sihat semakin meningkat dan ini boleh dilihat daripada pelbagai inisiatif sama ada dari pihak kerajaan, swasta mahupun perseorangan yang dianjurkan dalam sama-sama meningkatkan kesedaran untuk mengamalkan kehidupan sihat. Lebih membanggakan lagi ialah penyertaan yang sangat menggalakkan dari orang ramai dalam sama-sama menjayakan inisiatif-inisiatif berkenaan.

Antara salah satu langkah yang secara tidak langsung memupuk kesedaran kesihatan ialah melalui Bandarku Ceria yang diunkayahkan setiap hujung minggu bermula Oktober 2016. Melalui Bandarku Ceria, walaupun ia bertujuan bagi meningkatkan kesedaran hari tanpa kereta, kesan positif yang diterima bukan sahaja kepada persekitaran malahan juga kepada kesihatan. Ini ialah kerana melalui Bandarku Ceria pelbagai aktiviti disediakan dan boleh disertai oleh setiap lapisan masyarakat iaitu aktiviti berbentuk riadah, kebudayaan, kekeluargaan dan kemasyarakatan. Ia juga bukan sahaja memberi kesan positif secara lahiriah malahan juga dari segi batiniah.

KESIHATAN BAIK MENYUMBANG PEMBANGUNAN NEGARA

'Health is Everyone's Business', satu konsep yang diamalkan oleh Kementerian Kesihatan dan perkara ini juga sepatutnya diamalkan oleh semua pihak. Kita perlu menyedari bahawa mengamalkan kehidupan yang sihat memberi kesan yang positif bukan sahaja kepada individu malahan juga boleh menyumbangkan kepada keberkesanan pembangunan dan kesejahteraan sesebuah bangsa dan negara.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, penjagaan kesihatan amatlah perlu ditekankan kerana apa juga tahap kesihatan sesebuah negara, ia boleh memberi gambaran akan keadaan dan ketamadunan bangsa dan negara tersebut.

Manakala sebagai rakyat dan penduduk di negara yang tercinta ini, rasa syukur sepatutnya dizahirkan kerana mempunyai ketua negara yang sangat prihatin akan kesejahteraan rakyatnya serta mempunyai sistem kerajaan yang sentiasa memberikan keutamaan untuk memberikan yang terbaik dalam semua aspek kepada kita.

Untuk sama-sama memastikan negara terus bergerak maju, kesihatan merupakan salah satu faktor yang akan terus diberikan penekanan. Dengan rakyat yang sihat, maka lahirlah sebuah negara yang mempunyai sumber tenaga manusia yang lebih berdaya tahan, produktif dan boleh membantu negara untuk membangun dengan lebih mampan.



Negara sentiasa memartabatkan Islam



Oleh :
Hajah Zabaidah Haji Salat

TITAH Perisytiharan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 33 tahun yang lalu, iaitu pada 27 Rabiulawal 1404 Hijrah bersamaan dengan 1 Januari 1984 Masihi yang berbunyi;

"... Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik, bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah..." telah berjaya meletakkan negara bertuah ini seiring dengan negara-negara maju di dunia.

Sepanjang usia itu, rakyat dan penduduk negara ini telah banyak mendapat faedah dan kebajikan hasil dari pencapaian negara. Kemakmuran, kestabilan dan keamanan terus diperolehi berkat pegangan negara yang sentiasa teguh kepada nilai-nilai dan konsep negara Melayu Islam Beraja yang kita amalkan turun-temurun. Dan juga telah berjaya meletakkan negara bertuah ini seiring dengan negara-negara maju di dunia. Semua ini adalah berkat kepimpinan dari Raja yang disayangi rakyat, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berkat kepimpinan, keazaman yang tinggi dan kuat dari baginda, negara telah dapat mengharungi pelbagai cabaran globalisasi di mana tanpa adanya kekuatan segala cabaran pastinya tidak akan dapat diatasi. Di bawah pimpinan baginda, agama Islam sentiasa dimartabatkan sebagai pegangan dan panduan dalam pemerintahan Kerajaan Brunei Darussalam, di samping didukung oleh ketaatan rakyat terhadap kepimpinan baginda, dan seterusnya menjadikan negara ini sentiasa diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Alhamdulillah, semua yang telah negara kita capai itu adalah atas berkat negara kita sebagai negara MIB dan 'Negara Zikir' yang telah lama melaksanakan ajaran agama Islam berpandukan kepada Al-Quran dan As-Sunah mengikut kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, yang telah dapat menyatupadukan masyarakat Brunei Darussalam sehingga kita hidup aman damai dan harmoni. Juga telah menjadikan rakyat dan penduduk khususnya, umat Islam amnya tidak mudah terpengaruh dengan fahaman yang ingin memesongkan akidah dan syiar agama Islam yang suci yang kita amalkan, yang boleh menggugat keharmonian dan kesejahteraan yang kita nikmati selama ini.

Walau bagaimanapun, menyebut tentang akidah, kita amat bersyukur, kerana negara kita tidak menampilkan tanda-tanda adanya virus ajaran sesat. Jika ini benar, maka bermakna ia adalah satu kelebihan kepada kita. Namun begitu, ini tidak bererti kita tidak perlu berwaspada. Kerana virus ajaran sesat itu mudah hidup dan

berkembang. Semua ini adalah atas usaha pelbagai pihak dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa mengawal dan mengamati-amati, sehingga virus itu tidak dapat menerobos masuk ke dalam negara kita, agar negara kita akan terus kebal dari sebarang virus ajaran sesat.

Dengan melaksanakan seluruh sistem Islam dalam kehidupan, kepimpinan kita di negara ini, telah membuat ramai orang bukan Islam tertarik kepada Islam bukan sahaja kerana mengkaji hasil tulisan berkaitan Islam tetapi melalui penghayatan akhlak dan seluruh ajaran Al-Quran dalam kehidupan seharian oleh umat Islam.

NEGARA ZIKIR

Gagasan Negara Zikir yang diperkenalkan semenjak dititahkan oleh baginda juga telah menjadi pengukur negara dalam melaksanakan apa jua projek di pelbagai sudut, di samping sebagai sukat-sukat dalam pemerintahan baginda.

Kita selaku rakyat dan penduduk negara ini penuh yakin bahawa gagasan ini telah berjaya dan akan berjaya mempertahankan Brunei daripada anasir-anasir jahat dari dalam dan luar negara yang cuba meruntuhkan institusi negara yang memartabatkan Islam sebagai cara hidup pemimpin Brunei dan rakyatnya. Dan kita juga penuh yakin bahawa Brunei boleh dijadikan role model kepada negara lain yang ingin mengembalikan ketuanan Islam di dalam negara mereka.

Oleh yang demikian, negara kita hendaklah terus-menerus mengamalkan zikir dalam siasah, dalam sistem pertahanan, dalam sistem ekonomi dan dalam sistem sosial untuk kekal menjadi Negara Zikir.

MEMBACA AL-QURAN

Bagi merealisasikan kehendak-kehendak Negara Zikir, kita dapat melihat pelbagai contoh yang telah dilaksanakan oleh kerajaan baginda antaranya, ialah Membaca Al-Quran Sebelum Memulakan Tugas.

Dalam hal ini, negara di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, iaitu seorang pemimpin yang cintakan Al-Quran dan mahukan rakyatnya yang beragama Islam celik Al-Quran. Baginda pernah bertitah di Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Bagi Tahun 1412H/1992M supaya pegawai kerajaan menjadikan tabiat melazimkan diri masing-masing untuk membaca Al-Quran, walaupun setakat beberapa ayat pada tiap-tiap hari sebelum memulakan tugas dan pekerjaan masing-masing.

Baginda menjelaskan tujuannya ialah agar dengan berkat Al-Quran itu, apa juga tugas dan khidmat pegawai dan kakitangan kerajaan untuk Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dipimpin oleh petunjuk dan hidayat Allah.

Alhamdulillah, hasrat baginda itu telah diamalkan di semua peringkat, sama ada di peringkat kementerian, jabatan, unit atau bahagian di seluruh sektor Perkhidmatan Awam.

Ini kerana kekuatan umat Islam adalah pada Al-Quran yang diturunkan pada bulan Ramadan yang mubarak. Allah menetapkan agar manusia sentiasa mengingati betapa pentingnya berpegang teguh dengan ajaran yang terkandung di dalam Al-Quran, bukan semata-mata membaca dan memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran tetapi terus mengambil inspirasi dari Al-Quran untuk dijadikannya sebagai dasar dan asas panduan dalam menempuh kehidupan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga pernah bertitah semasa Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Bagi Tahun 1435H/2014M agar menolak segala aliran atau pemikiran yang tidak senada dengan Islam seperti Sekularisme, Pluralisme, Liberalisme, Feminisme dan lain-lain adalah amat bertepatan kerana dengan Al-Quran sahajalah umat Islam mampu mencapai kejayaan sebagaimana pada zaman keemasannya dahulu.

PELAKSANAAN PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYAR'IAH

Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2013 telah membuka mata banyak pihak di dunia. Walaupun banyak cabaran di atas pelaksanaan perintah tersebut, namun negara telah berjaya melaksanakan dengan jayanya, dan sehingga kini terdapat beberapa beberapa pindaan pelaksanaan di Mahkamah-mahkamah Syariah telah dilakukan, seperti pindaan dari segi bidang kuasa eksklusif di mana Mahkamah Rendah Syariah diberi kuasa dengan boleh mengenakan hukuman denda tidak lebih BND28,000 penjara 7 tahun dan hukuman sebat.

Sementara Mahkamah Tinggi Syariah di dalam bidang kuasa jenayahnya, diberi kuasa untuk mendengar kes-kes yang membawa kepada hukuman mati sama ada hadd atau qisas, hukuman sebat dan hukuman potong tangan dalam kesalahan hadd. Mahkamah Tinggi Syariah juga diberikan kuasa bagi perintah tahanan penjara seumur hidup dan penjara tidak melebihi 30 tahun serta denda tidak melebihi BND100,000 termasuk kuasa hukuman atau perintah membayar diyat, 'arsy bagi kesalahan qisas.

Menurut kajian yang dijalankan ke atas 196 buah negara di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan 57 buah negara di bawah Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), mendapati hanya 10 buah negara yang melaksanakan dan cuba melaksanakan hudud, iaitu Libya, Pakistan, Iran, Sudan, Afghanistan, Nigeria Utara, UAE, Malaysia (Kelantan dan Terengganu) dan terkini Brunei dan Wilayah Aceh, Indonesia.

Azam dan wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memperkasakan undang-undang Islam itu adalah perancangan untuk menyesuaikan undang-undang Brunei dengan kehendak hukum syarak, di mana satu Jawatankuasa Khas Majlis Ugama Islam atas titah perkenan baginda telah ditubuhkan pada 21 Julai 1980 yang bertujuan untuk meneliti Undang-Undang Brunei yang berkuat kuasa pada masa itu dan membuat penyesuaian dengan kehendak agama Islam.

PERINTAH PENDIDIKAN UGAMA WAJIB

Bagi terus memartabatkan Islam di negara ini, Pelaksanaan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013 yang dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Sambutan Hari Guru Ke-22 bagi Tahun 1433H/2012M pada 8 Zulkaedah 1433H bersamaan 24 September 2012M juga telah mengukuhkan lagi sistem pendidikan agama di negara ini, dan pelaksanaannya adalah satu kejayaan bagi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Institut Pendidikan Islam dalam merealisasikan pendidikan agama di negara ini. Ia dilaksanakan adalah dengan tujuan semata-mata ingin melihat rakyat Islam di negara ini selamat di dunia dan di akhirat akan menjadi kenyataan.

Perintah penguatkuasaan undang-undang tersebut juga merupakan rahmat besar dalam pendidikan agama dan juga kepada umat Islam di negara ini khususnya dan kepada Negara Brunei Darussalam amnya yang mahukan negara ini menjadi Baldatun Tayyibatun, Warabbun Ghafur dan sebagai Negara Zikir.

Dengan terlaksananya undang-undang ini, sekali gus kita dapat menyaksikan bahawa dasar pendidikan negara mengikut ajaran Islam dan menurut Ahli Sunnah Waljamaah, Mazhab Shafi'e adalah seimbang di antara keperluan duniawi dan ukhrawi yang dapat membentuk kanak-kanak cemerlang dalam pengisian antara keperluan rohani dan jasmani mereka.

Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 ini akan menjadi salah satu tapak semaian yang baik dan sangat sesuai untuk kesuburan dan pertumbuhan falsafah negara Melayu Islam Beraja di negara kita ini.

Brunei adalah dikenali dengan sifatnya mengamalkan agama menurut landasan yang sihat. Ia tidak pernah mencetuskan sebarang kekecohan, berkat fahaman yang kita pakai adalah menepati acuannya. Dan keunggulan agama Islam di negara ini InsyaaAllah akan terus terserlah apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri telah memerintahkan dan menyarankan supaya hari-hari kebesaran Islam seperti Awal Tahun Hijrah, Israk Mikraj, Nuzul Al-Quran, Maulud (Maulid) Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Hari Raya Fitrah dan Hari Raya Korban disambut dengan cara besar-besaran.

Belia generasi penerus kecemerlangan negara



Oleh :
Mohammad Rainie
Haji Durani

TANGGAL 23 Februari ini genaplah 33 tahun Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Kebangsaannya. Dalam tempoh tersebut berbagai-bagai program pembangunan negara telah dilaksanakan untuk memberikan rakyat dan penduduk di negara ini kualiti hidup yang selesa.

Bagi meneruskan agenda pembangunan negara, golongan belia hendaklah sama-sama mencurahkan bakti kerana mereka adalah generasi penerus serta aset negara yang amat berharga. Oleh yang demikian, masa depan negara terletak kepada keupayaan serta peranan golongan belia dalam memastikan pembangunan negara sentiasa terjamin selaras dengan usaha negara untuk melestarikan falsafah Melayu Islam Beraja, menanai konsep Negara Zikir, di samping merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Oleh itu, dalam mencorak hala tuju negara golongan belia hendaklah menyumbang buah fikiran dan tenaga bagi sama-sama mengembangkannya. Namun bukan mudah untuk melahirkan generasi pewaris yang berdaya saing kerana mereka berhadapan dengan perubahan global yang begitu drastik sehinggakan ada segelintir daripada mereka tidak dapat mendepani arus perubahan yang pantas, lalu hanyut dengan ujian yang datang.

Walau bagaimanapun, ada dalam kalangan mereka yang berjaya mengurus perubahan ini dengan baik sehingga meraih kejayaan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bertitah semasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-24 pada 23 Februari 2008 turut menekankan tentang kepentingan agenda pembinaan belia untuk masa depan negara.

"Belia adalah aset negara. Kerana itu, agenda pembinaan belia adalah amat penting untuk diberikan fokus. Mereka yang dibangunkan itu akan menjadi cermin kepada corak kepimpinan masa depan yang penuh dengan teka-teki." Berdasarkan titah di atas jelas menggambarkan bahawa golongan belia itu memainkan peranan penting dalam membangun dan mencorak kepimpinan negara. Para belia hendaklah menyerlahkan potensi mereka kerana ia akan mencorakkan perubahan dalam pembangunan negara serta dapat mendukung merealisasikan Wawasan Negara 2035 ke arah rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; kehidupan rakyat yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Oleh itu, keterlibatan belia sebagai pemangkin transformasi adalah amat penting dalam sama-sama menyusunaturkan proses transformasi negara ke arah sebuah negara yang maju dan dinamik. Di Negara Brunei Darussalam golongan belia mewakili kira-kira 50 peratus daripada jumlah penduduknya. Dengan jumlah tersebut ia tidak boleh dipandang remeh dan harus diberikan perhatian oleh semua pihak, terutama sekali dalam usaha pembangunan dan pengurusan belia. Perkara ini kerana golongan belia memainkan peranan yang amat besar

bagi menjayakan wawasan negara. Oleh itu, sumbangan proaktif golongan belia amat penting bagi memacu kecemerlangan dalam segenap bidang.

Dalam usaha membangun belia di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, kemudahan-kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fizikal dan fiskal.

Di samping itu, pihak kerajaan juga amat menitikberatkan tahap kualiti pendidikan dan latihan bagi golongan belia. Pendidikan itu merangkumi kepentingan menuntut ilmu ukhrawi dan duniawi kerana ia amat penting supaya kehidupan golongan belia itu bertambah baik dan dalam masa yang sama ajaran Islam tidak dipinggirkan dengan berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Kedua-dua ilmu ini penting kerana golongan belia masa kini berdepan dengan arus globalisasi yang amat mencabar serta menguji daya saing mereka. Belia yang berpendidikan mempunyai peluang untuk meningkatkan kualiti hidup serta menyumbang secara aktif kepada pembangunan negara.

Lebih tiga dekad negara mencapai kemerdekaan dengan pelbagai kemajuan dan transformasi telah dilaksanakan namun usaha ini hendaklah diteruskan oleh golongan belia. Golongan belia yang memiliki wawasan jauh sudah pasti keberadaan mereka amat diperlukan bagi mengembangkannya negara. Walau bagaimanapun, setiap transformasi yang hendak dilakukan hendaklah berlandaskan dengan ajaran Islam. Dalam mengejar kecemerlangan para belia hendaklah ubaya-ubaya agar tidak terjejas dengan gejala buruk yang boleh merosakkan jiwa dan meracuni minda sehingga boleh merosakkan mereka dan masa depan negara.

Pembangunan belia harus dijana melalui pembangunan modal insan yang berkualiti dan seimbang. Hal ini kerana kejayaan masa depan negara bergantung kepada mutu modal insan yang dimiliki sama ada dari segi intelek atau keperibadian. Pembentukan modal insan ini pada asasnya bermula dari rumah apabila para ibu bapa memainkan peranan mereka untuk mendidik para belia ini dengan nilai akhlak dan amalan baik agar menjadi belia yang produktif dan berguna kepada keluarga, masyarakat, bangsa, agama dan negara. Oleh yang demikian, para ibu bapa sewajarnya jangan mudah lepas tangan mengenai pendidikan anak-anak mereka sehingga menyerahkan tugas tersebut di bahu guru-guru sekolah sahaja. Sebaliknya para ibu bapa hendaklah sentiasa peka dan bijak dalam mendidik golongan belia agar menjadi bakal pemimpin yang bertanggungjawab.

Selain itu, institusi pendidikan juga memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan golongan belia ini menjadi generasi yang berupaya mendukung aspirasi dan kesinambungan keharmonian bernegara. Oleh yang demikian, dasar pendidikan negara itu hendaklah selari dengan Wawasan Negara 2035, yang menginginkan rakyat negara ini berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Di samping itu, pihak-pihak tertentu juga berperanan penting dalam membentuk jati diri golongan belia ini dengan melibatkan mereka menyertai program-program mengembangkan kemahiran seperti Program Khidmat Bakti Negara, Program Belia Cintakan Tanah Air dan sebagainya. Dengan adanya program seumpama ini belia tersebut akan lebih cecal dan bertanggungjawab dalam mengharungi cabaran kehidupan pada masa akan datang.

Jika dilihat pada masa ini, terdapat pelbagai inisiatif dan program menjurus ke arah pembangunan belia yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan keupayaan para belia tempatan dalam menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Perkara ini juga termasuklah dengan memperkasa bidang keusahawanan dalam kalangan belia. Dengan tertubuhnya Darussalam Enterprise (DARe), ia telah memberi sokongan kepada perusahaan tempatan sejak mula diwujudkan sehinggalah berkembang maju melalui Program Startup Bootcamp.

Dengan keterlibatan belia dalam dunia perniagaan nescaya ia akan merancakkan perkembangan ekonomi negara.

Oleh yang demikian, dalam tempoh 18 tahun mendatang golongan belia ini dihasratkan akan membawa pelbagai transformasi bukan sahaja untuk menjayakan Wawasan Negara 2035 bahkan berupaya untuk mengangkat Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu negara maju dalam pelbagai bidang. Di samping itu, proses pembangunan belia itu hendaklah berpaksi kepada matlamat Dasar Belia Negara bagi 'Mewujudkan Belia Brunei Cemerlang'.



Keteguhan Perkhidmatan Awam kekuatan negara



Oleh :
Dk. Nasibahanim
Pg. Haji Bakar

PEMBANGUNAN sesebuah negara pada dasarnya bergantung pada jentera Perkhidmatan Awamnya. Jika jentera Perkhidmatan Awamnya mampu untuk memenuhi keperluan dan harapan masyarakat, maka pembangunan negara yang telah dirancang serta disusun pastinya akan menjadi mantap.

Dengan hal itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan untuk menetapkan dan mewujudkan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21.

Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 berhasrat menjadikan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang sentiasa membangun dan berusaha dengan gayanya tersendiri menurut calak Islam dalam persekitaran yang sihat dan selamat di bawah inayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Manakala Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 antara lain bertujuan untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan serta keupayaan dalam kalangan pegawai serta kakitangan kerajaan atau penjawat awam. Wawasan berkenaan diharap dapat dihayati oleh setiap pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam untuk tujuan kejayaan masing-masing.

Dengan erti kata lain, wawasan bertujuan untuk mendukung hasrat negara, memberikan arah tuju dan fokus. Selain itu, ia juga sebagai sumber rujukan dan asas panduan. Wawasan juga sebagai landasan bagi mengiringi usaha meningkatkan Perkhidmatan Awam, di samping sebagai galakan kepada anggota Perkhidmatan Awam.

Fokus meliputi tiga perkara, iaitu struktur organisasi yang bertujuan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi serta kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai. Ia diikuti dengan dasar dan pelaksanaan organisasi. Dasar yang dimaksudkan adalah dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang ditetapkan untuk dilaksanakan juga seterusnya digunakan sebagai panduan dan asas dalam merancang, menilai, memantau, mentadbir serta mengurus apa jua program dan aktiviti yang berkaitan dengan Perkhidmatan Awam.

Manakala pelaksanaan organisasi menumpukan pada perkara-perkara ke arah pembangunan sumber tenaga manusia dari segi latihan, kebajikan, pengiktirafan dan seumpamanya. Ia bertujuan untuk membantu dan mengukuhkan lagi daya tahan jua daya saing anggota Perkhidmatan Awam.

Antara matlamat wawasan adalah mewujudkan Perkhidmatan Awam yang mempunyai iltizam untuk memberi khidmat bakti, berkualiti, berkesan, cemerlang, berakhlak dan beretika dalam pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

sehingga berjaya melahirkan negara aman makmur dan mendapatkan keampunan dan berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Setiap agensi kerajaan hendaklah memastikan bahawa mereka dapat mencapai matlamat wawasan tersebut. Setiap kementerian mahupun jabatan hendaklah mengenal pasti isu-isu yang mempunyai kepentingan nasional. Isu-isu berkenaan hendaklah dibincangkan dan seterusnya diselaraskan bersama-sama untuk mencari jalan penyelesaian atau jalan terbaik bagi menanganinya. Ia merupakan antara tugas dan tanggungjawab Perkhidmatan Awam.

Perkhidmatan Awam juga perlu secara berterusan mengetahui mana-mana perkhidmatan yang tidak menepati keperluan orang ramai. Perkhidmatan tersebut hendaklah diperbaiki dengan segera bagi memastikan tidak ada hal yang bakal menunda atau memperlambatkan mahupun membantutkan hal pembangunan dan pentadbiran negara.

Perkhidmatan Awam adalah nadi dan jentera kerajaan. Antara peranan yang dipikul oleh Perkhidmatan Awam adalah untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Bagi memenuhi peranan tersebut, pemberian perkhidmatan kepada orang ramai perlulah efisien dan berkesan. Ini bermakna, pengurusan Perkhidmatan Awam perlulah mudah dan adil serta menepati keperluan tersebut.

Antara peranan utama anggota Perkhidmatan Awam adalah pemudah cara, selain sebagai pengembang maju dan ejen pembaharuan. Selain itu, mereka juga berperanan sebagai pemikir. Anggota Perkhidmatan Awam perlu meneruskan peranan tradisinya sebagai pemelihara keamanan, penguat kuasa undang-undang, pengawal atur dan penyedia perkhidmatan.

“...Apa pun rancangan untuk memajukan Perkhidmatan Awam, sama ada ia dalam bentuk pelan strategik atau pelan pembaikan berterusan, maka kita adalah mustahak untuk memastikan bahawa perkara-perkara yang asasi dan utama tidak diabaikan.

Di antara perkara tersebut ialah seperti kedatangan, komitmen, dedikasi, disiplin dan integriti. Jika perkara-perkara ini tidak ada atau kurang mantap, maka apa pun usaha untuk pembaharuan pengurusan dan teknologi, tidak akan berhasil. Inilah nilai-nilai yang mesti dimiliki dengan sempurna. Kerana ia merupakan inti pati pengurusan dan sumber tenaga manusia...,” titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-17 pada 21 Oktober 2010.

Dengan itu, komitmen yang jitu, dedikasi yang penuh, disiplin yang ampuh dan integriti yang tinggi perlu ada pada setiap anggota Perkhidmatan Awam. Jika ada permasalahan yang timbul jangan diambil sambil lewa kerana setiap permasalahan bukan sahaja memberikan impak pada satu cabang sahaja, bahkan kepada yang lain amnya. Mungkin bagi kita ia adalah masalah kecil.

Namun pada hakikatnya boleh merosak keseluruhannya jika dibiarkan sama seperti anai-anai yang boleh merosak sepohon kayu.

“Bahawa Perkhidmatan Awam adalah teras utama untuk kemajuan sesebuah negara. Warga Perkhidmatan Awam adalah pengurus, pemudah cara dan malah ejen kepada perubahan. Kerana itu, warga Perkhidmatan Awam perlu memiliki disiplin yang tinggi dan kesungguhan dalam memainkan peranan masing-masing. Mereka perlu meningkatkan diri dengan mengenali ‘baseline’ masing-masing, setakat mana minda, sikap dan kemampuan mereka dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti untuk negara dan pelanggan.

Negara adalah benar-benar berhajat kepada khidmat para penjawat awam. Melalui perkhidmatan merekalah akan dapat ditingkatkan produktiviti dan penghasilan negara,” titah Kebawah Duli Yang Maha

Mulia sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-23, Tahun 2016.

Perkhidmatan Awam teras utama, teras utama kemajuan negara, sebagai pengurus juga pemudah cara, serta ejen pada perubahan negara, di mana produktiviti dan penghasilan antara tanggungjawab mereka, keteguhan Perkhidmatan Awam kekuatan negara.

Merdeka sejahtera, bahagia sentosa, maju jaya negaraku sentiasa! Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33! Menjayakan Wawasan Negara, Wawasan Brunei 2035, bersama-sama berganding bahu semua, berusaha berdoa bertawakal kepada Allah pencipta alam semesta, agar negara aman sejahtera dalam lindungan-Nya sentiasa.



Transformasi ke arah pengguna jalan raya yang selamat



Oleh :
Noriah Haji Abdul Hamid

SSEKTOR pengangkutan memainkan peranan penting dalam mencapai matlamat kedua dan ketiga Wawasan Brunei 2035, iaitu meningkatkan kualiti hidup rakyat dan mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, di samping sebagai memudahkan cara pergerakan manusia, barangan dan perkhidmatan. Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN10), telah memperuntukkan sejumlah BND1,284.6 juta bagi sektor pengangkutan dan perhubungan yang mana sejumlah BND716.7 juta telah dibelanjakan bagi membiayai 63 projek. Sektor tersebut mengandungi sub-sub sektor seperti Sub-Sektor Jalan Raya, Penerbangan Awam, Laut dan Pelabuhan, Perkhidmatan Pos, Radio & Televisyen dan Telekom seperti pembinaan jalan-jalan raya dan jambatan termasuk Jambatan Sungai Kebun yang sedang dilaksanakan dan Projek Pemodenan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam.

KESELAMATAN JALAN RAYA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Tahap keselamatan jalan raya pada masa kini di tahap yang membimbangkan dengan meningkatnya kes-kes kemalangan jalan raya. Menurut statistik yang direkodkan oleh Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam mengenai kemalangan jalan raya dan kemalangan maut bagi 3 tahun kebelakangan (2014, 2015 dan 2016) menunjukkan peningkatan seperti berikut :

TAHUN	JUMLAH KEMALANGAN JALANRAYA	
2014	3366	
2015	3345	
2016	3375	

TAHUN	JUMLAH KEMALANGAN MAUT	JUMLAH NYAWA YANG TERKORBAN
2014	21 KES	24
2015	29 KES	36
2016	16 KES	17
2017 (18 Jan)	3 KES	3

Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam kini sedang giat menjalankan beberapa usaha ke arah meningkatkan lagi keselamatan di jalan raya, selaras dengan tujuan penubuhannya, iaitu untuk memberi pandangan berupa nasihat kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Perhubungan atas perkara-perkara yang ada hubung kait dengan menaikkan tahap keselamatan jalan raya di Negara Brunei Darussalam.

Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam juga berperanan merumuskan satu skim yang bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di seluruh daerah di negara ini serta membuat tindakan yang positif untuk mendidik orang ramai dan kanak-kanak perihal keselamatan jalan raya dan perkara-perkara yang bersangkutan paut dengannya, memberikan penerangan serta publisiti terhadap langkah-langkah keselamatan jalan raya dan memberikan perhatian yang penuh tentang undang-undang lalu lintas jalan raya oleh pemandu kenderaan serta semua pengguna jalan raya dan orang ramai.

Kemalangan jalan raya merupakan peristiwa ngeri yang melibatkan pelanggaran kenderaan di jalan raya ataupun di lebuh raya yang membawa kecederaan dan juga kematian yang berpunca disebabkan kecuaiannya pemandu itu sendiri dan juga disebabkan masalah brek, tayar dan sebagainya. Justeru itu, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam telah mengadakan mesyuarat sebanyak empat kali sepanjang tahun 2016 bagi membincangkan perkara-perkara yang menjadi punca serta penyumbang kepada kemalangan jalan raya. Dengan pengukuhan struktur mesyuarat Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam ini, mesyuarat di peringkat Focus Group telah bersidang sebanyak tiga kali sepanjang tahun 2016.

Sehubungan ini, beberapa pembaharuan telah dapat dilaksanakan, di samping merangka inisiatif-inisiatif baharu bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di Negara Brunei Darussalam dan bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi melaksanakan projek-projek berikut :-

- Aktiviti Keagamaan Sembahyang Sunat Hajat, membaca Tahlil, Surah Yaa Siin dan Ratib Al-Attas telah diadakan bersempena dengan Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya di beberapa masjid utama di semua daerah pada 19 Januari 2017, dan Khutbah Jumaat mengenai keselamatan jalan raya telah dibacakan di mimbar masjid dan surau di seluruh negara pada 23 Disember 2016.

- Kempen Kesedaran Masyarakat (Industri dan Pengguna) Bekerjasama dengan Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. untuk mengadakan Jerayawara Keselamatan Jalan Raya dan meneruskan penyebaran mesej-mesej keselamatan melalui media massa dan bahan cetak secara berterusan termasuklah menayangkan video keselamatan di pawagam yang terpilih semasa musim cuti persekolahan;

- Pelancaran Nama Baharu Sistem Mata Demerit dan Penguatkuasaan Sepenuhnya Kementerian Perhubungan telah mengukuhkan regulatory framework dengan mengemas kini undang-undang dan peraturan dalam perhubungan dengan tujuan untuk melahirkan sistem pengangkutan awam yang teratur, berdisiplin dan selamat seperti mengemas kini Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SiKAP).

Sejak dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2013 telah menunjukkan kesan yang positif terutama dalam mengawal kes-kes melanggar undang-undang lalu lintas negara. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan darat (JPD) didapati bahawa kadar pemandu yang melanggar peraturan jalan raya yang dikenakan Mata Demerit adalah menurun, iaitu daripada 4,080 kes pada tahun 2014 kepada 992 kes pada tahun 2015.

SiKAP atau Demerit Point System adalah salah satu usaha Kementerian Perhubungan untuk meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan lalu lintas dengan mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya. Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam juga telah banyak mengambil inisiatif melalui beberapa program berbentuk jerayawara dan kempen kesedaran melalui media massa, bahan cetak dan

media sosial telah pun dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai SiKAP. Pendekatan yang berasaskan pendidikan dan penguatkuasaan ini dihasratkan untuk mengubah tabiat dan sikap pemandu menjadi lebih bertimbang rasa, berdisiplin dan berhemah semasa berada di jalan raya.

- Tinjauan dan lawatan ke *accident prone areas* Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam juga meneruskan lawatan ke tempat-tempat kejadian kemalangan. Semua penemuan dan cadangan pembaikan yang segera hasil lawatan-lawatan tersebut telah dihadapkan ke agensi-agensi berkenaan bagi perhatian serta tindakan segera mengenainya.

Pada tahun 2017 ini, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam telah membuat pendekatan baharu dengan memfokuskan beberapa inisiatif kepada isu dan trend terkini dalam kalangan pengguna jalan raya di Negara Brunei Darussalam. Dalam hal ini, inisiatif yang tertumpu kepada penunggang basikal yang meningkat telah dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan kefahaman bersama mengenai aspek keselamatan, keperluan pengguna, penguatkuasaan dan perkembangan semasa. Antara inisiatif yang diadakan adalah mengadakan perjumpaan dan sesi dialog bersama persatuan-persatuan berbasikal.

INISIATIF BAGI MENINGKATKAN KESELAMATAN JALAN RAYA

Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam akan meneruskan inisiatif, selaras dengan Blueprint Decade of Action 2011 - 2020 bagi meningkatkan keselamatan jalan raya di Negara Brunei Darussalam. Ke arah ini, kerjasama dengan pelbagai pihak akan dipertingkatkan bagi mencapai kefahaman yang lebih luas dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkaitan yang lebih bersepadu, antaranya mempertingkatkan sistem pembelajaran di sekolah-sekolah memandu dari segi teori mahupun latihan amali. Penerapan sikap pemanduan yang mahir dan cekap (*defensive driving*), sikap bertimbang rasa di jalan raya, bertanggungjawab dan mematuhi undang-undang dan peraturan lalu lintas dan jalan raya akan terus ditekankan.

Pembarigaan SiKAP dan mesej keselamatan kepada orang ramai khususnya dalam kalangan pemandu akan dilaksanakan secara berterusan, di samping mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti Sembahyang Fardu Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil untuk memohon keberkatan dalam usaha-usaha mengurangkan kemalangan di jalan raya.

Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam juga menjalankan kajian mengenai keselamatan jalan raya dalam kalangan orang awam bagi menilai kefahaman orang ramai mengenai keselamatan jalan raya dan seterusnya untuk mendapatkan input bagi langkah selanjutnya, di samping mengadakan dialog dengan pengguna-pengguna jalan raya untuk memberikan kefahaman kepada mereka. Kesedaran mengenai penggunaan tali keledar keselamatan dengan menggunakan *seat belt convincer* kepada pengguna juga ditekankan.

Mengadakan taklimat yang diberikan oleh pakar keselamatan jalan raya bagi meningkatkan kewaspadaan dan pengetahuan dalam aspek keselamatan, kepada pengguna-pengguna jalan raya termasuk penunggang motosikal dan memperbaiki *emergency response* ketika berlakunya kemalangan. Ini termasuklah juga perancangan ke arah menggunakan satu nombor Hotline bagi panggilan-panggilan kecemasan agar sebarang tindakan menyelamatkan dan mengawal lalu lintas selepas kemalangan dapat diberikan dengan lebih cepat.

KESIMPULAN

Kementerian Perhubungan juga sentiasa mengutamakan Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (Health, Safety and Environment), iaitu HSE yang bertujuan untuk membudayakan aspek-aspek keselamatan, kesihatan dan penjagaan alam sekitar dalam pengurusan sistem pengangkutan awam. Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan yang lain akan mempertingkatkan lagi inisiatif bagi mengurangkan kemalangan jalan raya dengan mengambil kira jumlah pengguna jalan raya yang semakin meningkat, khususnya dalam kalangan penunggang basikal dan pejalan kaki.

Pelaksanaan bagi menaik taraf infrastruktur jalan raya seperti Improvement of Jalan Residency, Lorong Kedua 'Seria Bypass', Jalan Penghubung Tanah Jambu (Fasa 2), pembinaan jejambat di Persimpangan Lebuhraya - Persimpangan Lebuhraya Muara - Tutong/Jalan Penghubung Berakas dan pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Pandaruan, jambatan penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency dan pembinaan jejantas Persimpangan Jalan Gadong/Jalan Telanai bukan sahaja dapat mengurangkan masa perjalanan dan mengurangkan kesesakan lalu lintas malahan yang lebih utama adalah untuk peningkatan tahap keselamatan jalan raya di negara ini.

Pembarigaan maklumat atau *socialisation* akan dipertingkatkan bagi memastikan maklumat dapat disampaikan dengan berkesan dan meluas ke arah transformasi pengguna jalan raya yang selamat. Ini adalah melibatkan peranan semua pihak secara holistik, baik dari pihak kerajaan, sektor swasta dan para pengguna jalan raya sendiri dalam sama-sama membentuk pemandu yang berhemah, berdisiplin dan bertanggungjawab.

FDI sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi



Oleh :
Pg. Hajah Fatimah
Pg. Haji Mohd. Noor

LANGKAH merangsang dan memperkasakan ekonomi secara menyeluruh perlu dipertingkatkan terutamanya dalam isu-isu perekonomian global yang bermasalah ketika ini dan seharusnya kita jangan dibuai kelekaan ini telah ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-70 Tahun yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman pada 15 Julai 2016.

Menurut baginda lagi, usaha-usaha peningkatan perlu terutama dalam bidang utama seperti pertanian, dan makanan asasi agar negara mampu memenuhi sara diri dan selama tidak bergantung kepada pihak luar sahaja.

Titah baginda menegaskan, Brunei perlu lebih aktif dalam mempelbagaikan ekonominya dan punyai agenda lebih terancang ke arah meningkatkan hasil Keluaran Dalam Negara Kasar.

Dalam hubungan ini, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan Negara Brunei Darussalam tidak boleh leka dalam keadaan ekonomi global yang dilihat sedang bermasalah dan perlu mempunyai agenda lebih terancang bagi mencapai sasaran tersebut.

Dalam usaha untuk menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke negara ini, satu Jawatankuasa Pelaburan Langsung Asing dan Industri Hiliran telah pun diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk ditubuhkan.

Dengan penubuhan Jawatankuasa ini ia akan dapat mengukuhkan lagi perancangan dan pelaksanaan dasar-dasar berkaitan FDI di negara ini, melalui koordinasi dan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan berkenaan. Dalam pada itu, Dana Pembangunan Strategik dan lain-lain agensi-agensi kerajaan berkenaan seperti Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei juga akan berterusan mengambil inisiatif-inisiatif dan meneroka peluang-peluang dalam menarik FDI yang berkualiti dan berdaya tahan ke negara ini.

Setakat ini, dengan kerjasama padu agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, beberapa projek pelaburan melalui usaha sama dengan pelabur-pelabur asing telah dapat direalisasikan. Ini antaranya termasuklah Simpur Pharma bagi pengeluaran produk-produk pharmaceutical dan food supplement halal; CAE Multi Purpose Training Centre (MPTC) bagi latihan simulasi berkualiti tinggi; Amman Shipping bagi menyediakan perkhidmatan perkapalan yang lebih kompetitif; Kilang Majerin melalui kerjasama dengan Syarikat dari Turki;

Brunei Fertilizer Industries (BFI) dan beberapa projek lagi yang sedang dalam pelaksanaan dan penelitian lanjut.

Penubuhan kilang-kilang Multinational Corporation (MNC) di negara ini bukan sahaja akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak tempatan, malahan ia juga akan memberikan peluang *business* kepada pengusaha-pengusaha SME, meningkatkan nilai eksport negara dan memberi kesan limpahan kepada aktiviti ekonomi di negara ini. Di samping itu, kilang-kilang ini juga bertindak sebagai pemangkin kepada aktiviti-aktiviti FDI yang bakal diterokai pada masa ini dan akan datang.

Tiga buah syarikat FDI yang telah melabur di Negara Brunei Darussalam, Syarikat-syarikat FDI yang kini dalam fasa pelaksanaan adalah Hengyi Industries Sdn. Bhd; iaitu mengendalikan operasi Projek Kilang Penapisan Minyak dan Aromatic Cracker di Pulau Muara Besar, yang mana fasa pertama projek ini dianggarkan bernilai sebanyak USD4 bilion.

InsyaaAllah projek ini akan menjana sebanyak 780 peluang pekerjaan. Kerajaan melalui Dana Modal Pembangunan Strategik (Strategic Development Capital Fund – SDC) memegang sebanyak 30 peratus. Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd; iaitu mengendalikan operasi kilang dan perniagaan *Ammonia* dan *Urea* di Tapak Perindustrian Sungai Liang (SPARK) yang dianggarkan bernilai sebanyak USD1.1 bilion. Kilang pembuatan *Ammonia* dan *Urea* ini dijangka akan menjana secara langsung sebanyak 200 peluang pekerjaan dan 300 peluang pekerjaan secara tidak langsung.

Manakala Western Foods & Packaging Sdn Bhd; iaitu kilang perintis pemprosesan kelapa sawit dan pembuatan marjerin yang terletak di Tapak Perindustrian Serasa. Projek ini bernilai sebanyak USD30 juta dan akan menjana sebanyak 98 peluang pekerjaan.

Baru-baru ini, Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, mencatatkan saat bersejarah dalam usaha sama sektor perikanan dengan bermulanya fasa pembinaan bangunan sistem akuakultur bertingkat untuk Projek Ladang Akuakultur Vertikal Atas Tanah.

Projek syarikat usaha sama KR Apollo Sdn. Bhd. itu terletak di kawasan seluas 12 hektar di Tapak Akuakultur Airtawar, Sungai Jambu, Kampung Tungku. Projek tersebut akan memperkenalkan teknologi baharu penternakan akuakultur secara bertingkat menggunakan sistem akuakultur kitar semula dan akuakultur intensif berdensiti tinggi yang membolehkan peningkatan produktiviti ke tahap lebih tinggi berbanding sistem akuakultur konvensional.

Dibawakan menerusi operasi Syarikat Apollo Aquarium Pte Ltd, Singapura, teknologi berkenaan akan meningkatkan penternakan ikan yang kompetitif serta menjanjikan pasaran eksport ikan akuakultur dan ikan hiasan, bukan sahaja ke Republik Singapura, tetapi juga ke pasaran antarabangsa, termasuk pasaran Eropah dan Amerika Syarikat.

Dengan inisiatif-inisiatif yang telah diambil berserta koordinasi dan perancangan bersepadu daripada semua pihak, adalah diharapkan kegiatan perekonomian Sektor Swasta dapat dipermudahkan, dipertingkatkan dan diperkesankan bagi membolehkan lebih ramai lagi belia-belie tempatan untuk turut menceburi dunia perniagaan, insyaaAllah. Di sinilah sektor-sektor swasta dan belia-belie di negara ini patut merebut peluang untuk sama-sama bergiat aktif dalam menjana kegiatan-kegiatan ekonomi dan pekerjaan di negara ini.

Negara Brunei Darussalam akan terus bergerak ke arah pertumbuhan ekonomi yang mantap dan berdaya saing. Perkara ini penting titah baginda, memandangkan kepada cabaran yang amat hebat yang berbangkit dari keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, dan melihat daripada prestasi ekonomi negara kita sendiri ketika ini, di mana beberapa tahun kebelakangan, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar adalah agak perlahan, yang memerlukan negara menggandakan usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara, terutama yang di luar sektor minyak dan gas.

Di antara bidang-bidang yang di luar sektor minyak dan gas itu titah baginda, ialah seperti sektor pertanian atau perikanan, sektor pembuatan, sektor perkhidmatan, termasuk perkhidmatan kewangan, pengangkutan, logistik, telekomunikasi, perdagangan, pelancongan dan lain-lain.

Secara khusus, baginda juga telah memperkenankan Jawatankuasa Pelaburan Langsung Asing dan Industri Hiliran (Downstream Industry) yang bertanggungjawab untuk melaksana reformasi bagi menjadikan negara ini lebih kompetitif dalam menarik para pelabur asing ke negara ini.

Sementara untuk keperluan perusahaan tempatan yang berskala kecil dan sederhana pula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan penubuhan Pusat PKS, yang akan mengambil alih pelbagai peranan, yang dulunya dilaksanakan oleh beberapa agensi kerajaan. Bagi pertumbuhan ekonomi yang lebih mantap, langkah bagi memperluas peluang-peluang ekonomi juga terus dipergiat dan diusahakan, termasuk di peringkat antarabangsa.

Dalam pada itu, FDI juga merupakan salah satu pemacu utama kepada pertumbuhan yang penting dalam pembangunan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Negara kita sangat komited dalam usahanya untuk menarik FDI ke sini di mana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, melalui Wawasan 2035, telah menggariskan langkah-langkah bagi matlamat ekonominya dengan penekanan yang semakin meningkat untuk menarik FDI sebagai pemacu pertumbuhan yang penting dan memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang membawa pengetahuan baharu, industri baharu, teknologi baharu, pasaran baharu dan juga perniagaan dan pekerjaan peluang-peluang baharu untuk rakyatnya.

Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei telah mengambil beberapa inisiatif bagi menarik Pelaburan Langsung Asing dengan mengenal pasti beberapa kelompok industri utama dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan berorientasikan eksport yang mempunyai potensi untuk membawa aktiviti-aktiviti nilai tambah kepada Brunei dan mewujudkan peluang-peluang yang lebih meluas.

Antara kelompok tersebut ialah Industri Pembuatan; Farmasi dan Pemakanan, Petrokimia, Penapisan Petrokimia Bersepadu dan Tenaga yang boleh diperbaharui (Renewable Energy), Industri Perkhidmatan iaitu Teknologi Info-Komunikasi (ICT) dan perkhidmatan sokongan logistik dan minyak serta Industri bagi teknologi-teknologi yang baru muncul.

Dalam pada itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan meneruskan memberi penekanan kepada keselamatan makanan dan lebih menumpukan usaha secara bersepadu untuk menarik FDI.

Merujuk Brunei Darussalam Statistical Year Book 2014 terbitan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri ketika ini eksport negara adalah 61.9 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar. Jika ekonomi minyak dan gas dikecualikan dari perkiraan, maka eksport negara hanyalah 12.4 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar dibandingkan eksport bagi negara-negara Republik Singapura, Hong Kong dan Luxembourg, negara-negara ini bersaiz lebih kecil, tetapi mempunyai saiz ekonomi yang lebih besar daripada kita.

Jika diperhatikan ternyata eksport masing-masing adalah sekitar 200 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar dan ini bererti bagi ekonomi kita yang bersaiz kecil ini, penekanan keluaran dan penjualan industri kita mestilah juga menembusi pasaran eksport demi untuk menjamin pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar dan peluang pekerjaan yang berterusan.

Walau bagaimanapun, saiz pasaran negara yang kecil tidak boleh dijadikan alasan untuk menyekat pertumbuhan, pengeluaran perusahaan perniagaan kita dan bagi menjamin pertumbuhan, perniagaan, perusahaan, kita perlu menerokai pasaran eksport.

MEMPELBAGAI

FDI berperanan dalam menjana perkembangan ekonomi khususnya mempelbagaikan kegiatan perekonomian dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan dalam menjana kemakmuran negara secara berterusan serta membantu perkembangan PKS.

Oleh yang demikian, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan lain-lain agensi akan mengambil tindakan proaktif dan lebih terurus dalam menyediakan suasana yang menggalakkan dan kondusif kepada Pelaburan Langsung Asing. Usaha-usaha akan terus dipergiatkan bagi FDI dan domestik bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara yang akan memberi impak positif terhadap perkembangan sektor sosial, terutamanya dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi belia-belia tempatan.

Di samping itu, tumpuan khusus juga akan terus diberikan kepada meningkatkan peranan dan keupayaan PKS sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan penyedia peluang-peluang pekerjaan tetap dan berkualiti.

Dengan adanya usaha-usaha yang berterusan dari pihak kerajaan dan sektor swasta ini akan dapat membantu mengembangkan lagi pembangunan ekonomi Negara Brunei Darussalam sekali gus dapat bersaing dengan negara-negara luar di dunia ini.

Majukan Industri Halal Brunei



Oleh :
Hajah Siti Muslihat
Haji Salleh

MAKANAN adalah salah satu sumber asas dalam kehidupan dan ia amat diperlukan oleh setiap makhluk yang bernyawa untuk terus hidup termasuk kepentingannya dalam kehidupan manusia.

Di era globalisasi yang semakin pantas, pelbagai jenis makanan segera boleh diperolehi di setiap negara membangun terutama negara-negara yang menerima peningkatan pelancong di mana di setiap sudut kawasan terdapat pelbagai restoran-restoran mewah dan sederhana, kafe dan juga gerai-gerai yang menghidangkan pelbagai menu, masing-masing untuk menarik pelanggan.

Apa yang penting masyarakat perlu peka dan mengambil berat mengenai setiap makanan yang diambil untuk memastikan tubuh badan mereka terhindar dari penyakit. Dalam keghairahan manusia memilih makanan yang berkualiti untuk kesihatan badan mereka, ramai yang terlepas pandang akan kepentingan makanan yang diambil dalam pembentukan rohani.

Bagi umat Islam, pemakanan yang halal amat perlu diambil kira kerana dengan memilih makanan yang sihat dan halal akan terbentuklah rohani yang sihat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 172 yang maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya."

Makanlah dari rezeki yang baik-baik sebagai tanda syukur pada nikmat dari Allah Subhanahu Wata'ala. Menjaga pemakanan juga bermakna menjaga fizikal yang dikurniakan Allah dan ia juga menjadi sebahagian ibadah sebagai hamba-Nya. Sementara rezeki yang baik pula semestinya halal kerana setiap yang haram dan dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala adalah memudaratkan manusia.

JENAMA HALAL BRUNEI

Mengatakan mengenai makanan halal ini, Negara Brunei Darussalam adalah antara negara yang amat menitikberatkan kepentingan makanan halal bukan sahaja bagi rakyat dan penduduk di negara ini malahan juga berusaha mempromosi produk Brunei Halal ke mata antarabangsa.

Bagi mencapai matlamat meneroka pasaran eksport, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah bersatu padu memperkenalkan projek Brunei Halal.

Antara objektif jenama Brunei Halal ini ialah bagi menunaikan kewajipan fardu kifayah, iaitu kewajipan untuk memudahkan pembekalan makanan bagi umat Islam di seluruh dunia, mempelbagaikan ekonomi negara selain sebagai platform ke arah memajukan produk tempatan melalui beberapa syarikat yang telah diiktiraf.

Pada 14 hingga 17 Ogos 2008, Negara Brunei Darussalam telah menjadi pusat pertemuan Ekspo Produk Halal Antarabangsa (Ihpexpo) yang dianjurkan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-62 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Ihpexpo 2008 dan persidangan yang diadakan serentak itu bermatlamat untuk menjadikan Brunei sebagai pusat halal antarabangsa yang secara tidak langsung menempatkan Negara Brunei Darussalam di pasaran halal dunia yang amat bermanfaat kepada negara.

Ekspo tersebut juga telah berjaya menarik lebih banyak penyertaan dari dalam dan luar negara yang sekali gus menandakan bahawa pihak kerajaan berupaya meningkatkan penyertaan dan keyakinan syarikat-syarikat tempatan untuk mempromosi produk halal mereka dalam pasaran tempatan dan antarabangsa.

INDUSTRI HALAL

Industri Halal Brunei telah berjaya menarik minat para pelabur dan peniaga dari Jepun untuk melabur dan bekerjasama dengan syarikat-syarikat tempatan di negara ini terutama Industri Halal negara sebagai pusat untuk memasuki pasaran halal serantau dan antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam dan Jepun telah mempunyai hubungan erat di mana Jepun amat kagum dengan Industri Halal Brunei yang mana persijilan Brunei Halal mempunyai keunikan dan kelebihan yang menjadikan ia sebagai pilihan bagi pelabur dan syarikat Jepun.

Dua pakar dari Institut Penyelidikan Ekonomi bagi ASEAN dan Asia Timur (ERIA) iaitu Penasihat Peribadi kepada Pengarah Eksekutif Hal Ehwal Brunei, ERIA, Okouci dan pakar Industri Halal ERIA, Tetsuya Enomoto semasa mengadakan lawatan ke Industri Halal Negara Brunei Darussalam bagi ERIA dan Organisasi Perdagangan Luar Jepun (JETRO) pada 10 Jun 2016 pernah menjelaskan bahawa lawatan mereka adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai Industri Halal Brunei, iaitu dari segi persijilan dan penghasilan produk-produk halal di Brunei di mana hasil kajian dan lawatan akan dijadikan sebuah laporan yang akan disampaikan kepada pelbagai pihak yang berminat dan pelabur serta syarikat Jepun untuk mempromosi Brunei sebagai destinasi pelaburan Industri Halal di ASEAN.

Menurut mereka, syarikat-syarikat Jepun kini sudah menyedari akan perlunya memberikan layanan yang terbaik kepada pelancong-pelancong yang beragama Islam dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan serta makanan halal bagi pelanggan-pelanggan mereka.

Negara Brunei Darussalam yang berada di rantau Asia Tenggara yang merupakan sebuah negara Islam mempunyai rakan hubungan dua hala yang baik bagi Jepun dan mempunyai pelbagai tarikan bagi pelabur dan syarikat Jepun untuk melabur ke dalam Industri Halal Brunei.

Perkembangan dan pelaksanaan industri halal di Negara Brunei Darussalam amat mereka kagumi dan menyifatkannya berpotensi tinggi untuk dimajukan serta mampu menjadi pilihan bagi pelabur dan syarikat-syarikat Jepun untuk melabur serta bekerjasama dengan syarikat tempatan sebagai pusat bagi produk dan perkhidmatan Halal Jepun di rantau ASEAN dan juga untuk menembusi pasaran global halal terutama pasaran Timur Tengah.

Negara Brunei Darussalam mempunyai tiga faktor atau kelebihan jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain, iaitu pertama keunikan persijilan Halal Brunei di mana ia adalah lebih ketat dan

dilaksanakan pada setiap peringkat oleh para pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama di mana semua peringkat pemeriksaan dilakukan oleh badan kerajaan berbanding dengan persijilan halal di negara ASEAN yang lain di mana sebahagian daripada persijilan itu dilaksanakan oleh badan-badan swasta atau pihak kerajaan yang menggunakan perkhidmatan swasta.

Kedua, Brunei merupakan sebuah negara yang mengamalkan undang-undang Syariah serta merupakan sebuah negara Islam di mana ia dapat menarik pengunjung Islam untuk berkunjung ke Brunei, di samping syarikat-syarikat yang menghasilkan produk halal kesemua kakitangannya terdiri daripada pekerja tempatan yang beragama Islam dan itu akan menjadi tarikan kepada para pelabur yang berpotensi.

Sementara faktor ketiga pula, ialah insentif pelaburan yang diberikan atau disediakan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam adalah antara yang terbaik dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini.

EKSPO HALAL

Sebagai usaha untuk mempromosi makanan halal tempatan ke mata antarabangsa, beberapa buah syarikat tempatan termasuk sebuah institusi pendidikan tinggi pada bulan November 2016 yang lalu dengan bantuan Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri telah mewakili Negara Brunei Darussalam untuk menyertai Ekspo Halal Jepun 2016 yang berlangsung selama dua hari, iaitu pada 22 dan 23 November.

Ekspo tersebut, syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dapat bertemu dengan pemimpin perniagaan halal dan usahawan di rantau ini sekali gus dapat mengembangkan pengetahuan yang lebih besar dalam perdagangan produk dan perkhidmatan halal, di samping mencari jalan untuk bekerjasama dengan usahawan bukan sahaja dari negara Jepun malahan negara-negara antarabangsa lainnya.

Pada ekspo berkenaan, Seminar Perniagaan Halal Brunei Darussalam juga telah diadakan pada 22 November 2016 bertempat di Taito Kumin Kaikan, Jepun yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Institut Pertubuhan Perdagangan Luar, Penyelidikan Ekonomi Jepun bagi ASEAN dan Asia Timur dan Pusat ASEAN-Jepun.

Seminar berkenaan membawa tema ‘Melabur di Brunei Darussalam - Peluang dalam Industri Halal’ juga menyaksikan penyertaan dari syarikat-syarikat Jepun dari pelbagai sektor yang turut berminat dalam Industri Halal Brunei Darussalam.

Pada seminar itu, beberapa perwakilan dari Negara Brunei Darussalam turut membuat pembentangan yang antaranya menyentuh mengenai pelaburan dan suasana perniagaan di Negara Brunei Darussalam dan Kajian Pelaburan Industri Halal.

Seminar yang dianjurkan itu diharap dapat memperkenalkan peluang dalam Industri Halal Brunei Darussalam kepada bakal pelabur dan syarikat-syarikat Jepun, di samping memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai sektor halal dan peluang yang ada bagi menarik para pelabur Jepun untuk melabur ke dalam Industri Halal Brunei Darussalam.

AKADEMI PRODUK HALAL

Negara Brunei Darussalam sangat berpotensi untuk menjadi sebuah negara Hub-Halal yang unggul di peringkat global lebih-lebih lagi dengan perkembangan terkini, seperti wujudnya Bahagian Kawalan Makanan Halal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bahagian Pembangunan Industri Halal Global, Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Pusat Sains Halal dan Metrologi Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan.

Untuk mencapai kesempurnaan pemakanan orang Islam itu, memerlukan sistem yang teratur terutama

perkara yang berkaitan perundangan, penguatkuasaan dan pengawasan.

Justeru itu, rancangan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) untuk menubuhkan sebuah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Halal di UNISSA sebagai pemangkin kepada hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai ‘hub halal global’ setentunya akan membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara di mana sektor industri halal mampu menyumbang sebanyak BND5 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar negara menjelang 2035 dengan memanfaatkan Industri Halal Global.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada Majlis Haflut Takharrij Ke-6 UNISSA Bagi Tahun 1438 Hijrah/2016 Masihi menyarankan agar universiti berkenaan meneroka salah satu bidang yang berkembang pesat sehingga ke peringkat antarabangsa pada masa ini, iaitu industri halal yang merupakan tuntutan utama dalam ugama Islam.

“Nilai pasaran global adalah semakin meningkat dan dianggarkan berjumlah besar. Ia meningkat sebanyak 16 peratus dari keseluruhan industri makanan dunia dan boleh menjangkau sehingga 20 peratus dari perdagangan dunia dalam produk makanan sahaja.

Oleh sebab itu, beta menyokong penuh rancangan UNISSA untuk menubuhkan sebuah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Halal di UNISSA sebagai pemangkin kepada hasrat beta untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai ‘hub halal global’ yang akan membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara,” titah baginda.

KESIMPULAN

Makanan yang halal dan berkualiti mampu melahirkan insan yang cergas jasmani, cerdas akal fikirannya serta membentuk akhlak peribadi yang mulia. Di samping itu, ia juga mampu mendekatkan lagi hubungan manusia dengan Allah.

Hati yang bersih punca dari sumber rezeki dan pengambilan makanan yang halal dan berkualiti. Jika semua individu mengamalkan cara hidup dan pemakanan yang sihat, dunia akan menjadi aman dan bebas dari segala penyakit dan kemudaratan.

Bersatu menangani cabaran ekonomi negara



Oleh :
Hezlinawati
Haji Abdul Karim

MASA terus berlalu, tanpa disedari tahun ini genaplah negara meraikan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33. Ini bermakna negara kita yang tercinta telah menikmati kemerdekaan penuh sejak lebih dari tiga dekad. Di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara terus menikmati keamanan dan kesejahteraan dengan keadaan ekonomi yang menjadi peneraju pada perkembangan sesebuah negara. Namun, dalam situasi ekonomi global semasa, Negara Brunei Darussalam memang tidak dinafikan menerima tempias pergolakan ekonomi dunia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah mengingatkan bahawa keamanan dan kesejahteraan yang dinikmati negara ketika ini bukanlah tiket untuk kita bersikap sambil lewa dan endah tak endah terhadap apa pun kemungkinan yang tidak diingini berlaku. Ketika bertitah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-70 Tahun bagi Tahun 2016 di Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjelaskan bahawa negara mengambil berat akan perihai membangun ekonomi. Titah baginda, negara tidak boleh leka dalam keadaan ekonomi global yang dilihat sedang bermasalah, sebaliknya perlu mempelbagaikan ekonominya sambil terus meningkatkan hasil Keluaran Dalam Negara Kasar.

Negara juga titah baginda lagi perlu lebih aktif serta mempunyai agenda lebih terancang bagi mencapai sasaran ini.

“Sudah tiba masanya untuk Brunei mengaktifkan segala usaha tanpa berlengah-lengah lagi. Salah satu contoh ke arah itu, kita sekarang sedang merancang untuk menggerakkan ekonomi negara, dengan kerajaan mengungkayahkan satu projek membina sistem pengangkutan yang selamat dan cekap. Projek ini ialah untuk memanjangkan Dermaga Pelabuhan Muara dan membesarkan Terminal Kontena Muara. Ia akan menjadi pemudah cara bagi kemasukan dan penarikan pelabur luar asing ke negara ini.

Di samping itu, secara umum kita juga menggalakkan sifat kreatif dan inovatif dalam melaksanakan semua projek pembangunan melalui kaedah Kerjasama Awam Swasta atau Public Private Partnership.

Kaedah ini bertujuan sebagai pendorong ke arah perkongsian di antara sektor awam dan swasta dalam melaksanakan projek-projek kerajaan,” titah baginda.

CAJ PELABUHAN MUARA DIKURANGKAN

Salah satu langkah untuk meningkatkan ekonomi negara, Jabatan Pelabuhan telah mengurangkan sebanyak 36 peratus caj sarat import dan eksport yang mula berkuat kuasa mulai 1 Ogos tahun lalu.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Pelabuhan, penurunan pelabuhan tertentu menjejaskan caj *stevedorage* yang diakaunkan kepada ejen perkapalan serta 'Load-On Load-Off' (LOLO) dan caj dermaga yang diakaunkan kepada penghantar. Ini adalah sebahagian dari caj yang ditanggung oleh penerima barang bagi perkhidmatan yang diberikan di Terminal Kontena Muara.

Pengurangan caj pelabuhan yang dikuatkuasakan di Terminal Kontena Muara adalah sebahagian dari inisiatif untuk meningkatkan industri tempatan dengan mengurangkan kos logistik bagi membolehkan Pelabuhan Muara untuk kekal berdaya saing dengan pelabuhan sub-serantau di rantau BIMP-EAGA.

Selain dari pengurangan caj pelabuhan, Jabatan Pelabuhan juga melanjutkan tempoh percuma penyimpanan untuk semua kontena import dan eksport yang mana dari tempoh asal dua hari dilanjutkan menjadi lima hari dan dijangka berpotensi menjimatkan kos simpanan bagi penerima barang juga pengirim. Tempoh yang lebih lama memberikan masa yang mencukupi untuk proses kelulusan permit, tetapi dengan lanjutan tersebut, Jabatan Pelabuhan akan terus memastikan pergerakan lancar dan tanpa gangguan kontena.

Dengan tujuan untuk mengurangkan kos logistik keseluruhan untuk memberi manfaat pada PKS tempatan dari segi kos pengendalian di Terminal Kontena Muara, inisiatif tersebut adalah hasil dari usaha kerjasama di antara Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perhubungan dan Kementerian Kewangan dengan sokongan dari Unit PENGGERAK serta Jawatankuasa Ease of Doing Business (EODB). Ia juga diharap dapat menarik lebih Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke negara ini.

Kadar pelabuhan yang lebih rendah diharap dapat menarik lebih banyak tempahan kargo dan kapal ke Pelabuhan Muara seterusnya meningkatkan perhubungan di rantau ini.

Pengurangan caj berkenaan juga dijangka memudahkan pihak berkepentingan lain dalam sektor logistik masing-masing seperti perkapalan, penghantaran dan caj pengangkutan. Ke arah matlamat ini, ejen berkenaan diingatkan supaya tidak memanipulasi caj-caj pelabuhan.

BERUSAHA MENANGANI EKONOMI NEGARA

Pada bulan Februari 2016, sebuah Badan Berkanun telah ditubuhkan di negara ini dalam usaha menangani ekonomi negara. Dengan diberi mandat untuk memupuk dan mendukung perusahaan tempatan dalam pelbagai peringkat pertumbuhan, Darussalam Enterprise (DARE) juga ditubuhkan untuk menggalak pembangunan perusahaan dan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar dan eksport negara selain bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan di dalam dan luar negara.

DARE antara lain mempunyai fungsi dan perkhidmatan untuk menggalak pertumbuhan perusahaan tempatan dengan menyediakan persekitaran yang mesra perniagaan dan menumpukan pembangunan sektor khusus dengan menggalak pertumbuhan ekonomi selaras Wawasan Brunei 2035. Selain itu, DARE juga memudahkan akses kepada pembiayaan dengan menyediakan akses pasaran serantau dan global. Di samping itu, DARE turut menyediakan khidmat nasihat perniagaan dan program latihan melalui pembangunan keupayaan dan perkhidmatan khidmat nasihat serta menyediakan tapak dan kemudahan perindustrian dengan menyediakan tapak dan kemudahan industri berkualiti tinggi. DARE juga mengendalikan Pusat Dukungan Perniagaan di mana ia menyediakan perkhidmatan berkaitan proses perniagaan.

EKONOMI NEGARA PALING MENINGKAT

Usaha-usaha yang dilakukan oleh pelbagai pihak nampaknya membuahkan hasil bilamana tahun lalu dalam Laporan Bank Dunia Doing Business 2017 telah meletakkan Negara Brunei Darussalam sebagai ekonomi paling meningkat untuk tempoh dua tahun berturut-turut dalam usaha untuk memudahkan menjalankan aktiviti perniagaan di negara ini. Perkara itu didedahkan oleh Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar semasa sidang media mengenai Laporan Bank Dunia Doing Business 2017, pada bulan Oktober tahun lalu di mana menurut Yang Berhormat, yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Pandu EODB, Laporan Doing Business 2017 yang mengukur tahap kecekapan dan pengawalseliaan perniagaan domestik telah merekodkan lonjakan Negara Brunei Darussalam sebanyak 25 anak tangga kepada kedudukan ke-72 di kalangan 190 negara-negara di seluruh dunia, dengan peningkatan skor pada petunjuk dan skor 'Distance to Frontier' sebanyak 65.51 daripada 100, dengan menunjukkan pengurangan jurang di antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara yang berprestasi tinggi.

Laporan terkini menunjukkan Negara Brunei Darussalam masih lagi mengekalkan kedudukannya di tangga ke-4 di rantau ASEAN, di bawah Singapura (2), Malaysia (23) dan Thailand (46); dan diikuti oleh Viet Nam (82), Indonesia (91), Filipina (99), Kemboja (121), Myanmar (170) dan Laos (139).

Dengan ini jelas Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam mencatatkan kenaikan skor DTF sebanyak 5.28 markah, iaitu yang tertinggi di antara ekonomi yang meningkat termasuk negara-negara di rantau ASEAN, yang diikuti dengan Indonesia dengan kenaikan sebanyak 2.95 markah dan Viet Nam dengan kenaikan sebanyak 2.72 markah.

Manakala di rantau Asia Pasifik, kata Yang Berhormat lagi Negara Brunei Darussalam menduduki kedudukan ke-13 di bawah negara-negara Asia Utara seperti Republik Korea yang menduduki kedudukan ke-4, Taiwan ke-5, dan Jepun ke-8, dan mendahului beberapa negara 'Asian powerhouse' seperti China yang berada di kedudukan ke-16, dan India yang berada di kedudukan ke-23. Yang Berhormat seterusnya menjelaskan walaupun negara mencatatkan penurunan dengan semakan kedudukan, pencapaian Negara Brunei Darussalam adalah diperkira sangat memberangsangkan dan direkodkan sebagai salah sebuah ekonomi dari hanya 10 ekonomi di dunia yang telah mencatatkan peningkatan sebanyak 3 atau lebih petunjuk di dalam laporan tersebut. Kejayaan-kejayaan yang dicapai ini jelas Yang Berhormat adalah hasil daripada pengenalan proses-proses baru, peraturan dan perubahan sistem bagi memudahkan perniagaan khususnya dalam menyokong perkembangan para pengusaha Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

SIAP SEDIA HADAPI CABARAN

Apa yang dinyatakan di atas hanya merupakan sebahagian langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menjamin pertumbuhan ekonomi negara. Dalam berhadapan dengan situasi ekonomi yang sentiasa berubah-ubah, rakyat dan penduduk di negara ini serta pelbagai pihak perlu sentiasa bersatu hati dan sentiasa bersiap sedia menghadapi apa pun juga cabaran yang sedang dan bakal dihadapi bagi memantapkan dan mengukuhkan lagi ekonomi negara. Semua itu kita lakukan adalah demi kesejahteraan bersama kerana hanya dengan kukuh ekonomi maka sesebuah negara itu barulah akan dapat membangun dan maju. Oleh itu Tema Sambutan Hari Kebangsaan Ke-33 iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara', yang mana ia diharap dapat memberikan penekanan secara holistik kepada semua lapisan rakyat terutama golongan belia bagi sama-sama memainkan peranan dalam membantu merealisasikan Wawasan Negara 2035 termasuklah ke arah kestabilan ekonomi.

Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33 ini marilah kita rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam memanjatkan doa semoga negara akan dikurniakan rahmat serta hidayat oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan ekonomi negara akan berkembang pesat dan terus maju agar kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara akan terjamin.

Generasi berilmu pemangkin tranformasi negara



Oleh :
Haji Ahmad Haji Salim

GENERASI berilmu bolehlah ditakrifkan sebagai kumpulan individu yang mempunyai pengetahuan. Manakala pemangkin pula adalah merupakan tonggak. Sementara transformasi negara membawa makna bentuk perubahan dan hala tuju sesebuah negara pada masa hadapan.

Dapatlah disimpulkan bahawa kumpulan individu yang berpengetahuan menjadi tonggak kepada perubahan dan kejayaan masa hadapan sesebuah negara.

WAWASAN NEGARA 2035

Perkara ini bertepatan dengan Wawasan Brunei 2035 yang menggariskan dan memfokuskan kepada lapan strategi utama. Bagi memastikan kesemua aspek pembangunan dalam menuju Wawasan Brunei 2035 dapat dilaksanakan secara sistematik dan berkesan.

Strategi tersebut ialah Pendidikan, Ekonomi, Keselamatan, Pembangunan Institusi, Pembangunan Perniagaan Tempatan, Pembangunan Infrastruktur, Jaminan Sosial dan Strategi Alam Sekitar.

Kelapan-lapan strategi ini akan terus diselaraskan dan dimajukan oleh pihak kerajaan, swasta dan juga pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dan akan dilaksanakan dengan lebih baik. Wawasan Brunei 2035 berhasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang memiliki rakyat berpendidikan tinggi, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Untuk mencapai Wawasan Negara 2035 itu, seperti dalam kandungan Khutbah Jumaat bulan Oktober yang lalu, menyatakan di Negara Brunei Darussalam 50 peratus daripada jumlah penduduk negara adalah terdiri belia-belia dan golongan ini perlu dididik dan dipimpin menjadi generasi belia yang mempunyai wawasan dan cintakan negara.

Khutbah Jumaat itu menambah, generasi berwawasan yang melibatkan belia adalah generasi penerus pembangunan negara yang akan dapat mendukung usaha dalam merealisasikan Wawasan Negara 2035, 'Ke Arah Rakyat Yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya'.

"Ke arah mewujudkan kehidupan rakyat yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, keterlibatan belia sebagai pemangkin transformasi dalam proses transformasi negara adalah penting.

Perubahan, penghijrahan dan transformasi adalah kemestian dalam usaha menuju negara yang maju dan dinamik yang mana ia memerlukan asas-asas pendekatan yang transformatif bagi mencapai cita-cita tersebut,” jelas khatib lagi.

Menurutnya, jika belia di negara ini mempunyai wawasan sudah pasti belia tersebut adalah belia yang hebat seterusnya menjamin kemakmuran dan kemajuan negara pada masa depan.

GENERASI BERILMU

Sepertimana yang pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11 Tahun 2016, satu tanda belia cepat berubah, apabila mendapati ramai dalam kalangan walaupun dalam usia masih muda, telah mencapai kejayaan-kejayaan sangat bermakna dalam pelbagai bidang seperti bidang kedoktoran, guaman, kejuruteraan, keagamaan, keusahawanan dan lain-lain.

Kejayaan-kejayaan yang diperolehi itu, adalah alat untuk para belia berkecimpung mencorakkan masa depan negara. Belia seperti ini tidak syak lagi adalah belia yang berwawasan lagi cemerlang.

“Negara adalah sungguh-sungguh mengimpikan mereka. Tanpa mereka, negara akan kehilangan tonggak atau pasaknya. Tidak ada alasan untuk para belia lemah dan menyerah kalah. Ini bukan sifat belia. Belia adalah berani dan gagah,” titah baginda.

Baginda seterusnya bertitah para belia yang berani membuka perusahaan sendiri, walaupun mula-mulanya secara kecil-kecilan seperti menerokai khidmat cuci kereta, menternak ikan, industri kreatif dan seumpamanya, tetapi dari kecil itu ia boleh jadi besar, jika para pengusaha belia terus gigih dan tabah.

RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM SEBAGAI CONTOH

Justeru, generasi kita yang ada pada hari ini adalah merupakan satu aset negara yang sangat berharga, seharusnya sudah bergerak pentas mengikut arus perubahan zaman dengan ilmu pengetahuan tinggi yang dimiliki serta kemahiran agar dapat melahirkan generasi bersahsiah terpuji sehingga berupaya menjadi penggerak transformasi negara yang cemerlang.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah sebagai contoh dan tauladan yang paling terbaik sekali yang perlu kita ikuti kerana Baginda adalah merupakan yang cukup segala aspek khidupan di dunia dan di akhirat, di samping Al-Quran Al-Karim dan Sunah hadis Baginda.

Di mana Baginda adalah merupakan seorang nabi yang mempunyai keperibadian yang amanah dan lurus sebelum Baginda dimuliakan dengan anugerah kerasulan. Selepas Baginda menerima kerasulan, Baginda adalah seorang pendakwah yang bersungguh-sungguh dalam menyampaikan dakwah sehingga Baginda sanggup mengorbankan segalanya untuk menyampaikan dakwah.

Baginda seorang pemimpin negara yang terbaik yang perlu dicontohi dengan memakmurkan negara di bawah pemerintahan Baginda ke arah etika perundangan yang betul disertai dengan sifat-sifat yang mulia, iaitu keikhlasan dan kejujuran sehingga negaranya menjadi negara yang makmur, maju dan berjaya.

Begitu juga dengan Raja yang kita kasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menjadikan Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai panduan yang terbaik, di mana Baginda telah menggariskan beberapa peraturan berlandaskan Al-Quran dan Sunah, antaranya meniadakan hidangan arak di pesawat Penerbangan Diraja Brunei (RB), meniadakan kelab-kelab hiburan, kemaslahatan dan perjudian, menutup premis perniagaan setiap hari Jumaat, memperkenan pelaksanaan Perintah Kanun Jenayah Syar’iah 2013 serta bermacam lagi ke arah menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir.

Selain itu, generasi mestilah mentaati kedua ibu bapa, mengasihi mereka, menghormati, berbakti, bersikap lemah lembut dalam tutur kata dan tingkah laku kepada keduanya selagi tidak bertentangan dengan hukum Allah.

TRANSFORMASI

Amat penting untuk belia merasakan bahawa diri mereka yang asalnya adalah tapak-tapak penting sesebuah negara, akan menjadikan tiang-tiang harapan yang akan menyokong dan mengemudi negara pada masa hadapan.

Sayyidina Ali ada menggambarkan bahawa remaja dan belia pada hari ini adalah cermin sesebuah negara pada masa hadapan. Kata-kata ini menggambarkan bahawa belia adalah kumpulan sokongan yang kuat dalam memacu proses transformasi dan kemajuan negara.

Jika masyarakat muda pada hari ini dibina secara berkualiti, maka corak kepimpinan dan kepengikutan negara juga berkualiti. Ia bergantung kepada corak pendidikan di rumah, sekolah dan pengukuhan dalam masyarakat.

Belia yang mempunyai kesedaran penuh terhadap sikap dan tindakan dirinya untuk menjayakan transformasi akan berupaya membentuk momentum transformasi yang memberangsangkan.

Remaja dan belia yang berkemahiran dan berilmu tinggi yang insaf akan peranannya untuk terus berusaha mempertingkatkan kecemerlangan diri dan memanfaatkannya untuk keperluan masyarakat dan negara.

Dalam Islam, transformasi atau perubahan adalah sesuatu yang dituntut. Zaman akan pantas berlalu dan sentiasa berubah. Perubahan zaman yang memerlukan manusia menjadi lebih dinamik, progresif, aktif dan berfikiran terbuka dalam menghadapinya.

Orang yang ketinggalan dalam menuntut ilmu-ilmu terkini sering kali dikatakan orang yang ketinggalan zaman. Perubahan zaman adalah sesuatu yang tidak dapat ditahan-tahan, seiring dengan keperluan manusia yang semakin bertambah.

Justeru, sebagai remaja dan belia Islam, kita memerlukan suatu kemahiran dan kebijaksanaan untuk melakukan perubahan seiring dengan syariat Islami.

Pedoman ini menjadikan Islam terus hidup dan berperanan walau apa zaman pun ia berada, kerana pada prinsipnya, zaman harus menyesuaikan diri bergerak dan berubah mengikut faktor syarak yang Islamik.

MASA

Ke arah itu, para generasi harapan bangsa dan negara tidak akan lalai, leka dan membuang masa kepada perkara-perkara yang tidak mendatangkan manfaat, malahan merebutlah peluang yang sedia terbuka luas yang terdapat di negara ini. Apa yang perlu dilakukan di sini ialah berkorban. Berkorban bukan sahaja dari segi wang ringgit, akan tetapi turut lebih penting ialah berkorban dengan masa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, jika ini dijadikan amalan, bererti kitalah orang yang pandai atau bijak memilih, di mana landasan yang betul dan selamat. Sebab itu kerana tingginya harga masa itu, Allah sendiri sampai bersumpah manusia di dalam kerugian, kecuali mereka mengisi masa dengan amal-amal kebajikan. Demikian menurut Al-Quran Surah Al Ashr.

AL-QURAN DAN HADIS

Generasi yang memiliki ilmu dan kemahiran dengan berlandaskan Al-Quran dan hadis akan memperoleh kejayaan sebagai generasi berilmu pemangkin transformasi negara. Kerana Al-Quran ialah kitab yang termaktub segala ilmu di dalamnya dan tiada sempadan penghayatan ilmu Al-Quran ternyata mampu melahirkan masyarakat yang dinamik, efektif dan *futuristic*.

Sejarah membuktikan penguasaan dan pengaplikasian ilmu Al-Quran melahirkan intelegensia seperti Ibn Rusd, Ibn Sina dan Ibn Batutah. Sabda Rasulullah “telah aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, selama kamu berpegang padanya, nescaya tidak akan sesat selama-lamanya. Kitabullah dan Sunah Rasulullah.”

Sesungguhnya, betapa indah dan cantiknya masyarakat Al-Quran yang pasti menjamin kemantapan negara.

Kesimpulannya, dapat diperjelaskan bahawa generasi berilmu pemangkin transformasi negara bukan perkara yang mudah untuk mencapainya tanpa ada sokongan dan dukungan daripada mereka-mereka lebih berpengalaman dan berkemahiran, di samping berpandukan kepada dua perkara iaitu berpegang dan perpaduan kepada Al-Quran dan Hadis.

Menjayakan Wawasan Negara



Oleh :
Bolhassan Haji Abu Bakar

SAMBUTAN Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 membawa tema, 'Menjayakan Wawasan Negara', yang memberikan penekanan secara holistik kepada semua lapisan rakyat terutama golongan belia bagi sama-sama memainkan peranan dalam membantu merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Wawasan Negara 2035 dihasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang memiliki rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Sehubungan itu, ke arah mencapai wawasan ini, tiga nilai utama juga perlu diterapkan, iaitu kesetiaan kepada sultan dan negara, keyakinan terhadap nilai-nilai Islam dan keharmonian sosial dan amalan tradisi.

Sebanyak lapan strategi utama telah dikenal pasti bagi memastikan kesemua aspek pembangunan ke arah menuju Wawasan Negara 2035 dapat dilaksanakan secara sistematik dan berkesan. Lapan strategi itu akan terus diselaraskan dan dimajukan oleh kerajaan, pihak swasta dan juga pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dan akan dilaksanakan dengan lebih baik.

Strategi tersebut ialah Pendidikan, Ekonomi, Keselamatan, Pembangunan Institusi, Pembangunan Perniagaan Tempatan, Pembangunan Infrastruktur, Jaminan Sosial dan Strategi Alam Sekitar.

Dalam tempoh 33 tahun Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan, setentunya telah memberikan kematangan kepada rakyat dan penduduk di negara ini berhadapan dengan perkembangan dan pergolakan sosiobudaya, ekonomi dan politik serantau dan antarabangsa.

Lebih tiga dekad itu, di bawah pemerintahan dan kepimpinan bijaksana lagi berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bangsa Brunei telah dapat menanai, melaksanakan, mempertahankan dan memperkukuhkan hasrat titah pengisytiharan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984 pada mengekalkan Negara Brunei Darussalam dengan izin Allah sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik dengan bersendikan ajaran-ajaran Islam mengikut Ahli Sunnah Waljamaah, di samping mewujudkan keamanan, kestabilan, kesejahteraan dan meningkatkan kemakmuran bangsa dan negara.

Di samping itu, negara ini juga sudah dapat memainkan peranan serta melibatkan diri dalam hal ehwal politik serta pelbagai bidang di peringkat serantau dan antarabangsa.

Dalam Titah Perasmayhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 sebagaimana yang baginda bertitah, *“Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata’ala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wata’ala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat beta, dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atau dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan (kukuh) wilayah bagi semua negara yang bebas dan campur tangan dari luar negeri.”*

IMBASAN MALAM PENGISYTIHARAN

Suasana menyambut Hari Kemerdekaan begitu ketara wujud di setiap wajah rakyat dan penduduk Negeri Brunei ketika itu. Segala persiapan telah diatur di keempat-empat buah daerah melibatkan penyertaan semua lapisan masyarakat bagi sama-sama memeriahkan hari perisytiharan yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar ‘Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan pada 1 Januari 1984 tepat jam 12.00 tengah malam.

Sebagai tanda kesyukuran pada Allah satu atur cara telah dirancang berlandaskan lunas-lunas dan nilai-nilai Islam, iaitu Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah di masjid-masjid dan surau-surau di seluruh negara yang ditumpukan di Masjid Omar ‘Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Kemudian diikuti pula Sembahyang Hajat dan membaca Yaa Siin, disusuli pula dengan bacaan doa khas bagi memohon perlindungan kepada Allah sempena kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

Upacara itu berjalan sehingga menjelang waktu Isyak dan apabila selesainya Sembahyang Isyak, sebahagian rakyat Brunei telah berkumpul di Taman Haji Sir Muda Omar ‘Ali Saifuddien untuk menanti saat-saat yang ditunggu, iaitu tepat waktu tengah malam berakhirnya 31 Disember 1983 yang juga bermakna berakhirnya tanggungjawab British terhadap hubungan luar Negeri Brunei.

Bermula dari tarikh 1 Januari 1984 bermakna satu tanggungjawab yang begitu berat telah dipikul oleh rakyat dan penduduk Brunei dalam menentukan nasib masa depan sebuah negara yang merdeka.

Bagi memeriahkan lagi hari kemerdekaan ini, pihak kerajaan memberi kesempatan kepada penduduk pedalaman untuk sama-sama menyaksikan hari perasmayhuran itu dengan mengarahkan kepada penghulu dan ketua kampung di daerah masing-masing bagi pembentukan jawatankuasa untuk mencatat nama-nama penduduk yang ingin ke Bandar Seri Begawan bagi menyertai acara yang bersejarah ini.

Sementara mereka yang tidak berkesempatan datang di hari perasmayhuran itu dapat menyaksikan detik-detik kemerdekaan itu di kaca televisyen dan corong radio masing-masing.

Perisytiharan kemerdekaan itu telah dimasyhurkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan disertai 30,000 rakyat jelata yang basah kuyup, akibat hujan renyai-renyai yang turun sejak awal senja di taman itu. Tetapi keadaan ini tidak menghalang kehadiran dan juga sambutan hari bersejarah yang amat ditunggu-tunggu oleh setiap jemputan yang hadir pada malam itu.

Titah perasmayhuran oleh Kebawah Duli Yang Maha telah didahului dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Yang Maha Mengasihani memasyhur dan mengisytiharkan Negara Brunei Darussalam adalah

dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka.

Dengan perisytiharan kemerdekaan ini sejarah telah mencatatkan bahawa rasmilah Brunei menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Dengan ini juga Brunei dengan sendirinya telah memikul satu tanggungjawab yang berat, iaitu tanggungjawab antarabangsa yang selama ini dipegang oleh British.

Setelah selesainya memasyhurkan perisytiharan kemerdekaan itu, maka bermulalah detik dan saat yang ditunggu-tunggukan, iaitu acara kemuncak bermulanya status sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dengan laungan 'Allahuakbar, Allahuakbar'. 'Allahuakbar', sebanyak tiga kali yang bermaksud Allah Maha Besar sebagai tanda mensyukuri rahmat dan nikmat dari Maha Pencipta Yang Esa.

Laungan itu telah dikepalai oleh Al-Marhum Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan diikuti oleh rakyat jelata yang diiringi dengan tembakan meriam sebanyak 21 das.

Bagi menyerikan lagi malam penuh bersejarah itu, lampu yang berwarna-warni dipasang di bangunan di sekitar padang Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien itu dan dimeriahkan lagi dengan permainan bunga api.

Hujan turun renyai-renyai, adalah simbol bahawa kemerdekaan Brunei yang dicapai ini akan membawa rahmat dan rezeki yang berlipat ganda kepada negara dan rakyat.

BEBASKAN DIRI DARIPADA SIKAP MERUGIKAN

Selaku rakyat dan penduduk di dalam sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat, kita adalah dituntut untuk membebaskan diri daripada segala sikap yang merugikan seperti suka berpeluk tubuh dan ketandusan semangat patriotik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah sempena Hari Kebangsaan Ke-32, menegaskan bahawa sikap seperti itu, sepatutnya, tidak ada lagi dalam era merdeka.

“Kerana kemerdekaan itu sendiri merupakan perangsang atau penggerak ke arah lebih super dan lebih progresif, bukan lebih culas dan lemah,” titah baginda.

Seperti yang dititahkan oleh baginda, setiap orang perlu berani menjadi peneroka, di samping berfikiran terbuka dengan apa-apa yang diteroka itu. Peneroka yang berani adalah individu hebat, walaupun yang diteroka itu cuma berskala kecil atau sederhana sahaja, seperti seorang pengusaha yang baru berlatih memulakan perusahaannya.

Menurut baginda, negara sangat memerlukan orang-orang seperti ini. Rakyat yang berani meneroka boleh memberi kesan yang positif dan hasil Keluaran Dalam Negeri Kasar juga boleh ditunggu untuk meningkat.

Pelbagai onak dan ranjau ditempuhi Negara Brunei Darussalam untuk berjaya pada hari ini, berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain, berdiri sebagai sebuah negara yang berdaulat. Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan kebijaksanaan pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, marilah kita sama-sama berdoa semoga Negara Brunei Darussalam akan terus aman, makmur dan berjaya mencapai hasrat Wawasan Negara 2035.

Negara Brunei Darussalam telah mencapai kemerdekaan penuh pada 1 Januari 1984 dengan pengisytiharan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Kepimpinan baginda yang adil lagi bijaksana yang sentiasa memeduli kebajikan dan kesejahteraan rakyat, sehingga turut sama babasah bakaring, demi memastikan semua kepentingan rakyat diutamakan dan tidak kekok beramah mesra dengan rakyat baginda sama ada daripada generasi muda sehinggalah kepada warga emas.

Semua yang dinikmati ini adalah berkat dan daulat dan kepimpinan baginda yang berwibawa, berwawasan dan berintegriti, berasaskan calak Brunei yang tersendiri yang telah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Islam yang unik, cemerlang makmur dan sejahtera serta menjadi contoh ikutan yang baik.

Selaku rakyat dan penduduk negara ini, marilah kita terus berikrar menzahirkan rasa syukur dan taat setia yang tidak berbelah bahagi, kasih sayang yang amat mendalam terhadap Raja yang sangat dicintai ini.

Keusahawanan penting jana pelbagai sumber ekonomi



Oleh :
Abdullah Asgar

MENJANA ekonomi sesebuah negara bukanlah semudah membalik telapak tangan, ekonomi negara sangat penting kerana dengannyalah sesebuah negara itu dapat diukur maju mundurnya pembangunan dan infrastrukturnya, jika ekonomi kukuh maka makmurlah negara itu tetapi jika sebalik akan jatuh miskinlah.

Oleh itu, setiap negara di dunia berlumba-lumba memajukannya ekonominya apapun akan dilakukan selagi ia tidak bertentangan dengan undang-undang dan peraturan yang ada. Kadang-kadang sesetengah negara ada yang memfokuskan pelbagai kegiatan bagi menjana ekonomi antaranya dengan Pelaburan Langsung Asing (FDI), memajukan industri pelancongan dan tak kurang pula yang mencari kekayaan bumi umpamanya cari gali emas, minyak dan gas serta biji timah, perikanan air laut, batu arang dan perak.

Manakala itu, memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Tahun Baharu Masihi 2016 lalu, baginda bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam akan terus bergerak ke arah pertumbuhan ekonomi yang mantap dan berdaya saing.

Perkara ini penting, titah baginda, memandangkan kepada cabaran yang amat hebat yang berbangkit dari keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, dan melihat daripada prestasi ekonomi negara kita sendiri ketika ini, di mana beberapa tahun kebelakangan, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah agak perlahan, yang memerlukan negara menggandakan usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara, terutama yang di luar sektor minyak dan gas.

Di antara bidang-bidang yang di luar sektor minyak dan gas itu titah baginda, ialah seperti sektor pertanian atau perikanan, sektor pembuatan, sektor perkhidmatan, termasuk perkhidmatan kewangan, pengangkutan, logistik, telekomunikasi, perdagangan, pelancongan dan lain-lain.

Baginda menekankan bahawa peningkatan pertumbuhan ekonomi tersebut boleh dicapai dengan memberi keutamaan kepada peningkatan produktiviti, melalui penyelidikan dan penggunaan teknologi terkini.

Di samping itu, pasaran dalam negara kecil, tegas baginda, bukanlah alasan untuk menghalangi pertumbuhan keluaran, malah setiap syarikat, sama ada ia milik persendirian atau milik kerajaan, adalah mampu untuk menyasarkan penjualan produk dan perkhidmatan mereka ke luar negara sebagai eksport.

Baginda bertitah memberikan keyakinan bahawa negara kita mampu untuk membantu mengurangkan unit kos pengeluaran, di samping juga boleh menembusi pasaran antarabangsa dengan menawarkan produk dan perkhidmatan yang ada.

“Dengan berlakunya ini, bererti, keluaran dan eksport kita adalah tumbuh, yang dengan sendirinya, akan meletakkan ekonomi kita juga berada di tahap berkembang dan tumbuh,” titah baginda.

Sehubungan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenalkan beberapa reformasi penting, termasuk reformasi ekonomi (economic reforms), yang diharapkan dapat mempelbagaikan ekonomi negara.

Selain itu, baginda juga telah memperkenalkan Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 yang telah digubal oleh Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035, untuk merealisasikan ketiga-tiga matlamat Wawasan Brunei tersebut.

Secara khusus, baginda juga telah memperkenalkan Jawatankuasa FDI dan Industri Hiliran (Downstream Industry) yang bertanggungjawab untuk melaksana reformasi bagi menjadikan negara ini lebih kompetitif dalam menarik para pelabur asing ke negara ini.

Sementara untuk keperluan perusahaan tempatan yang berskala kecil dan sederhana pula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenalkan penubuhan Pusat Perusahaan Kecil dan Sederhana, yang akan mengambil alih pelbagai peranan, yang dulunya dilaksanakan oleh beberapa agensi kerajaan.

Bagi pertumbuhan ekonomi yang lebih mantap, langkah bagi memperluas peluang-peluang ekonomi juga terus dipergiat dan diusahakan, termasuk di peringkat antarabangsa.

Menurut baginda, Negara Brunei Darussalam perlu lebih aktif mempelbagaikan ekonomi dan mempunyai agenda lebih terancang ke arah meningkatkan hasil KDNK.

Baginda bertitah menekankan, Negara Brunei Darussalam tidak boleh leka dalam keadaan ekonomi global dilihat sedang bermasalah dan perlu mempunyai agenda lebih terancang bagi mencapai sasaran tersebut.

“Usaha-usaha peningkatan perlulah menyeluruh, terutama bagi bidang yang dianggap utama seperti bidang pertanian makanan asasi,” titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-70 yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, bidang itu mestilah terus diperkasa sehingga mampu untuk kita memenuhi sara diri. Kita tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada pihak luar sahaja dan seyogianya perkara itu dapat diambil perhatian serius oleh pihak berkenaan dalam kerajaan.

Manakala itu, dalam bidang pertanian dan agrimakanan negara terus berusaha lebih giat bagi menampung keperluan sendiri dengan membuka ladang padi di beberapa buah kawasan khasnya di Wasan yang diusahakan oleh pengusaha tempatan seluas 50 hektar.

Setakat ini, projek Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan mempunyai keluasan seluas 227.5 hektar dan diusahakan oleh dua kumpulan pengusaha padi, iaitu KOSEKA Berhad dan Majlis Perundingan Mukim Pengkalan Batu.

Pengusaha-pengusaha berkenaan telah diberi latihan mengenai pengurusan tanaman padi melalui Program Sekolah Peladangan Tanaman Padi yang diselenggarakan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sejak dari tahun 2010.

Pada masa ini, sebilangan besar pengusaha di KKP Wasan ini telah dapat menghasilkan sehingga 3-4 tan metrik sehektar padi setiap musim akan tetapi, ia masih boleh dapat menampung keperluan beras negara dan sehingga ini masih mengimport beras daripada Viet Nam dan Thailand.

Di samping itu, bagi memudahkan anak-anak tempatan menjalankan perusahaan sendiri kerajaan telah menubuhkan Darussalam Enterprise (DARE) pada bulan Januari tahun lalu, di samping mendapat sokongan daripada beberapa agensi kerajaan dengan menggunakan urusan satu bumbung.

Penubuhan DARE pada 21 Januari 2016 yang bertanggungjawab untuk mengawasi dan memupuk pertumbuhan serta pembangunan perusahaan-perusahaan tempatan di negara ini. Di samping itu, DARE juga telah menubuhkan 'Business Support Centre' untuk membantu melahirkan persekitaran perusahaan yang kondusif dan meningkatkan ekosistem perusahaan secara menyeluruh. Hasil dari komitmen semua pihak, alhamdulillah, telah mengangkat Negara Brunei Darussalam ke tangga 84 dari 189 economies sebagaimana dalam '2016 World's Bank Ease of Doing Business Report' berbanding pada tangga 105 pada tahun 2015.

Malah beberapa skim lain juga ditubuhkan antara Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan terbahagi kepada dua kategori utama, iaitu Insentif Keperluan Asas dan Insentif Keperluan Khusus (Industri Tanaman, Industri Ternakan dan Industri Agrimakanan). Insentif Keperluan Asas, kategori ini menyediakan pengusaha-pengusaha sama ada yang bergiat dalam industri tanaman, industri ternakan ataupun industri agrimakanan kemudahan-kemudahan dalam bentuk tapak-tapak perusahaan atau kemudahan bangunan yang dilengkapi dengan infrastruktur asas (air, elektrik dan jalan).

Insentif Keperluan Khusus. Kategori ini menyediakan kemudahan-kemudahan dalam bentuk bahan-bahan input pertanian ataupun peralatan-peralatan tertentu mengikut jenis-jenis industri pertanian yang diusahakan. Kemudahan bahan-bahan input ataupun peralatan dibantukan secara subsidi bagi membantu meringankan sebahagian daripada kos operasi pengusaha-pengusaha pertanian dan agrimakanan.

Selain itu, ke arah meningkatkan kemahiran kerajaan melalui beberapa agensi telah membukakan kursus dan bengkel antaranya ialah melalui kumpulan pertama seramai 14 belia termasuk empat perempuan daripada pelbagai latar belakang telah berjaya menamatkan Kursus Belia Berpadi.

Para belia berkenaan turut menandatangani surat perjanjian lot tanah membabitkan kawasan seluas 18 hektar di Kampung Bebuloh, yang telah diluluskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mereka usahakan.



Bersama menjaga, mengekalkan kedaulatan bumi tercinta



Oleh :
Ak. Jefferi Pg. Durahman

NIKMAT keamanan dan kemakmuran sentiasa terpelihara dan terjamin dengan tertubuhnya pasukan-pasukan keselamatan di negara kita Brunei Darussalam. Di setiap negara di pelusuk dunia keamanan dan kesejahteraan sesebuah negara dan penduduknya amat penting dan begitu juga halnya di negara kita di mana keselamatan kita semua sentiasa dititikberatkan dan semua ini adalah di atas tanggungjawab pasukan-pasukan keselamatan yang sememangnya telah wujud di negara ini seperti pasukan tentera, pasukan polis dan sebagainya.

Akan tetapi, keamanan dan kemajuan yang diinginkan tersebut tidak akan mudah tercapai dengan semudah itu tanpa adanya pasukan-pasukan beruniform kita yang bertanggungjawab menjaga keamanan negara malahan tanggungjawab ini juga tidak seharusnya kita letakkan seratus peratus ke bahu mereka, kita sebagai masyarakat dan rakyat di negara ini seharusnya juga memberikan kerjasama yang serupa dan berganding bahu dalam menjaga keamanan dan membantulas jenayah yang cuba merosakkan kesejahteraan negara sebagaimana yang sering ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam beberapa titah yang baginda lafazkan, menyebut bahawa rakyat semestinya bersama-sama melibatkan diri terhadap tanggungjawab memelihara suasana keamanan dan ketenteraman negara, agar dapat dinikmati selamanya dari satu generasi ke satu generasi yang akan datang.

Adapun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau sebelumnya ia dikenali sebagai Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei ditubuhkan pada 31 Mei 1961. Sejak penubuhannya, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah melalui pelbagai pengalaman dan perkembangan. Ia tidak syak lagi, merupakan tonggak keamanan yang sebenar-benarnya.

Tidak dapat dinafikan bahawa keamanan, kedamaian dan keselamatan yang kita nikmati di bumi Brunei Darussalam ini adalah hasil dari usaha dan perjuangan serta pengorbanan yang telah dicurahkan oleh para pejuang yang terdahulu.

Sebagai memperingati jasa dan bakti mereka itu, Negara Brunei Darussalam mengadakan Sambutan Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada setiap 31 Mei. Pengorbanan dan kesetiaan mereka diharap akan dapat memberi semangat dan kesedaran di hati kita, di samping menyemai semangat perjuangan dalam diri kita dan generasi akan datang.

Negara memerlukan pasukan tentera yang merupakan keperluan asasi yang mesti ada di dalam sesebuah negara, tanpa adanya tentera sesebuah negara itu sudah pasti negara akan sentiasa berada dalam keadaan terancam dan tidak selamat dari sebarang ancaman sama ada dari luar mahupun dalam negara itu sendiri. Manakala kekuatan sesebuah negara itu bukan sahaja dengan memiliki peralatan yang canggih, tetapi juga dapat dinilai sekiranya negara tersebut memiliki tentera yang berkualiti dari segala fizikal dan mental lebih-lebih lagi jika berkemahiran menggunakan senjata-senjata moden.

Sebagaimana petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-50:

“Setiap negara berkewajipan untuk menjaga keamanan, kerana ia adalah segala-galanya. Di antara asas keamanan dan keselamatan itu, turut dipegang oleh pihak-pihak yang berkenaan dengannya, terutama oleh angkatan bersenjata kita.”

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah ditubuhkan pada 31 Mei 1961. Pada awalnya ia dikenali dengan nama Askar Melayu Brunei sebelum dianugerahkan gelaran ‘Diraja’ pada 31 Mei, 1965. Ia kemudian dikenali sebagai AMDB. Setelah mendapat kemerdekaan pada 1 Januari, 1984, Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei telah dinamakan semula sebagai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Sejak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ditubuhkan pada tahun 1961 di mana pada ketika itu ia diberi nama Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei dan hanya memiliki 59 orang parajurit dan pada tahun 1964 ia berkembang dengan jumlah 354 orang dan di tahun yang sama juga atas kemurahan hati Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen, meminjamkan pegawai-pegawainya bagi melatih pasukan Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei pada masa itu. Berkat kepemimpinan yang ikhlas yang telah diamanahkan tersebut, Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei telah berkembang subur dan menjadi satu angkatan yang kuat yang ada hingga ke hari ini.

Dalam usaha mewujudkan pasukan keselamatan yang terlatih dan berwibawa bagi menjaga keselamatan dan keamanan negara ini, Kementerian Pertahanan juga menubuhkan Sekolah Pegawai Kadet yang bermatlamat ialah untuk menjadikan Sekolah Pegawai Kadet sebagai satu *centre of excellence* yang cemerlang dan dikenali mampu untuk melahirkan pemimpin-pemimpin tentera yang berwibawa dan berkaliber tinggi. Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan juga akan sentiasa mengemaskinikan objektif latihan dan *syllabus* pelajaran ketenteraan dan ini akan dilaksanakan dengan berpandukan kepada hasil pengesahan atau *validation* dan *input* yang diterima daripada unit-unit agar pengisian latihan serta pembelajaran yang dijalankan akan lebih relevan mengikut keutamaan operasi dan cabaran semasa.

Dengan penubuhan Sekolah Pegawai Kadet ini juga setiap pegawai-pegawai kadet mengambil kesempatan berkenaan dengan menimba ilmu dan menanam minat dalam bidang pertahanan dan ketenteraan, di samping harus fokus untuk mencapai matlamat latihan dengan semangat kental dan tidak mudah putus asa kerana semua yang akan dihadapi dan dilalui mudah saja menduga ketabahan mereka. Ini adalah sejajar dengan moto Sekolah Pegawai Kadet Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, iaitu ‘Setia, Takwa dan Berani’ dan mencapai aspirasi Kementerian Pertahanan untuk melahirkan barisan pertahanan yang *robust, responsive* dan efisien.

Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Ke-14 yang berlangsung di Padang Kawad Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Tanah Jambu, bertitah mengingatkan bahawa pertahanan bukan setakat bergantung kepada peralatan dan kesenjataan semata-mata malah turut penting ialah keupayaan para anggota dalam memainkan peranan masing-masing.

“Jika peranan itu berjaya dilaksanakan dengan baik maka tidak syak lagi ia akan menjadi nilai tambah kepada peralatan dan persenjataan.”

Sesungguhnya nikmat keamanan negara yang kita kecapai hari ini bukanlah sesuatu yang mudah dicapai apatah lagi ia merupakan hasil perjuangan dan pengorbanan para pahlawan tanah air yang sanggup mempertarungkan jiwa raga demi melihat keamanan di bumi tercinta ini.

Di dalam menjaga keamanan negara, kewujudan sesebuah akademi seperti Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bukan hanya bertujuan untuk melahirkan para tentera negara tetapi kewujudannya juga berperanan dalam melahirkan seorang pemimpin atau ketua yang berkaliber dan amat diperlukan bagi memastikan pasukan atau kumpulan yang diketuainya itu dapat menjalankan fungsi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan itu dengan baik, begitulah juga dalam ketenteraan yang menjaga keamanan negara. Ketaatan adalah merupakan kunci kejayaan dan kemenangan sesebuah misi dalam ketenteraan lebih-lebih lagi ketika menghadapi peperangan.

Dengan adanya bangunan baharu tersebut, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei diharap akan dapat meningkatkan lagi tahap latihan dan pembelajaran bagi pegawai-pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei selaras dengan Wawasan Brunei 2035. Perancangan ini setentunya akan mempersiapkan bakal-bakal pemimpin tentera generasi baharu untuk menghadapi cabaran benteng pertahanan negara dengan berpegang kepada perlembagaan dan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Selain itu Pasukan Polis Diraja Brunei juga turut memainkan peranan penting dalam membasmi anasir-anasir jahat termasuk yang mengacau-bilaukan keharmonian rakyat.

Sejak Polis Diraja Brunei ditubuhkan tahun 1920 ia berperanan menjaga keselamatan masyarakat Brunei. Peranan polis yang lazimnya diketahui adalah menjaga keselamatan dan keamanan orang ramai, menangkap dan mendakwa mana-mana orang yang didapati melakukan kesalahan mengikut akta yang sedia ada dalam sesebuah negara.

Sehinggalah pada hari ini bahawa pasukan polis yang awalnya dinaikkan ke taraf sebagai Polis Diraja Brunei tetap unggul. Walaupun dalam tempoh tersebut Polis Diraja Brunei telah menghadapi banyak cabaran dalam menangani pelbagai jenis jenayah yang berlaku di negara ini, namun Polis Diraja Brunei telah berjaya melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka dengan baik.

Polis Diraja Brunei selaku ejen penguat kuasa undang-undang yang tertentu di Negara Brunei Darussalam sejak sekian lama lagi telah banyak menyumbangkan khidmat bakti dalam memastikan suasana kehidupan rakyat dan penduduk sentiasa dalam keadaan aman makmur.

Semua ini jelas dilihat sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuh dalam tahun 1984, negara kita mampu membangun dengan begitu pesat selari dengan perkembangan negara-negara luar. Kestabilan dan pembangunan serta pertumbuhan sosial ekonomi negara yang kita nikmati selama ini sesungguhnya tidak akan dapat dicapai tanpa adanya pengorbanan anggota penguat kuasa undang-undang termasuklah Polis Diraja Brunei.

Di peringkat antarabangsa, beberapa kemajuan banyak dicapai terutama dalam kerjasama membanteras kegiatan-kegiatan jenayah di rantau ini. Dalam pertukaran maklumat dan peningkatan latihan-latihan anggota polis sering dijalankan.

Kesemua perkembangan ini amat menarik dan sekali gus mendedahkan negara kita sama-sama saling bantu-membantu dalam pencegahan anasir jahat yang cuba bertapak atau berlindung. Kekuatan pasukan keselamatan dan undang-undang keselamatan negara mencukupi untuk menangani ancaman keganasan. Kita sentiasa memantau dari semasa ke semasa. Sebenarnya, rakyat jelata adalah penentu kejayaan kerajaan dalam menangani apa juga ancaman dari dalam mahupun luar negara. Mereka sebenarnya benteng pertahanan negara. Mari sama-sama kita menjaga dan mengekalkan kedaulatan dan keselamatan bumi tercinta ini. Bersatu adalah kunci penyelamat yang sukar diganggu gugat sesiapa pun.

Hubungan diplomatik terus mantap



Oleh :
Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

NEGARA Brunei Darussalam telah mencapai kemerdekaannya pada tahun 1984 dan akan meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33 pada 23 Februari yang akan datang ini.

Sepanjang usia tersebut, Negara Brunei Darussalam sentiasa menjaga dan memelihara hubungannya dengan negara-negara sahabat, terutamanya dengan negara-negara jiran dan antarabangsa. Malahan hubungan dua hala tersebut semakin erat dan meningkat dari setahun ke setahun.

Negara Brunei Darussalam telah berjaya berdiri sama tinggi seiring dengan negara-negara maju yang lain. Semua ini adalah berkat kepimpinan Raja yang dikasihi rakyat, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Disebabkan oleh keazaman yang tinggi dan kuat daripada baginda, negara telah mampu mengharungi pelbagai cabaran globalisasi terutama sekali di era yang serba moden dan canggih ini, di samping sokongan dan dukungan daripada semua peringkat rakyat dan penduduk.

Sejak merdeka, negara telah menjadi ahli kepada pelbagai pertubuhan serantau dan antarabangsa antaranya, pada 1 Januari 1984, negara secara automatik menjadi Ahli Pertubuhan Komanwel; 7 Januari 1984 menjadi Ahli Ke-6 Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN); pada 15 Januari 1984 menjadi Ahli Pertubuhan Persidangan Islam (OIC); 21 Januari 1984 negara diterima menjadi Ahli Ke-159 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB); pada tahun 1989 menjadi ahli kepada Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC); menyertai Negara-Negara Berkecuali (NAM) tahun 1992; Pertubuhan Negara-Negara Asia Eropah (ASEM); Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) serta lain-lain pertubuhan.

Melalui pelbagai perjanjian perdagangan dua hala mahupun keahlian serta kerjasama-kerjasama serantau di dalam ASEAN dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, termasuk APEC, OIC, Komanwel (CHOGM), WTO dan seumpamanya, negara telah terus mempertingkatkan dan membuka peluang-peluang pasaran baharu di arena global.

Bagi memperkenalkan negara di peringkat antarabangsa, negara telah mengukuhkan dan menjalin hubungan diplomatik dengan lebih 164 buah negara di seluruh dunia. Di mana setakat ini, negara mempunyai 42 buah pejabat perwakilan di luar negara termasuk 26 Kedutaan Besar, lapan Suruhanjaya Tinggi, tiga Perwakilan Tetap dan empat Kaunselor Agung dan satu Pejabat Perdagangan.

Yang terkini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan the Commonwealth of the Bahamas mulai 21 November 2016. Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama Penjalinan Hubungan Diplomatik telah diadakan di Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam ke PBB di New York.

Dengan terjalinnya hubungan tersebut, Negara Brunei Darussalam terus berupaya membina pelbagai kerjasama baik secara dua hala mahupun berbagai hala, jalinan kerjasama itu seterusnya meningkatkan imej negara di mata dunia antarabangsa dan dalam masa yang sama negara berupaya meningkatkan dan memperluaskan pertumbuhan ekonomi dengan lebih stabil dan mapan.

PERINGKAT ASEAN

ASEAN adalah singkatan bagi Association of Southeast Asian Nations yang dikenali dalam bahasa Melayu sebagai Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 selepas satu sidang kemuncak diadakan di Bangkok dan dihadiri oleh perwakilan Kerajaan Malaysia, Thailand, Indonesia, Filipina dan Singapura.

Pada 7 Januari 1987, Negara Brunei Darussalam menjadi negara pertama yang masuk menjadi anggota ASEAN di luar kelima negara pengasas hanya selang seminggu selepas peringatan kemerdekaan negara tersebut.

ASEAN juga telah berjaya mewujudkan satu asas yang kukuh dalam ekonomi global dan meningkatkan daya saing sebagai sebuah rantau dan telah menjadi jentera yang lebih kuat untuk merealisasikan aspirasi rakyat, urustadbir yang baik, telus, taraf hidup yang lebih tinggi, pembangunan mampan dan peluang yang lebih besar untuk semua, khususnya dengan pengisytiharan penubuhan rasmi Komuniti ASEAN pada 31 Disember 2015, yang benar-benar berdasarkan peraturan, berorientasikan rakyat, berpaksikan rakyat.

Komuniti ASEAN telah mencatat pencapaian penting dalam proses integrasi dan akan terus memastikan keamanan, keselamatan dan daya tahan di rantau yang berpandangan jauh ini akan terus berdaya maju, berdaya saing dan komuniti sangat bersepadu dan inklusif yang mengandungi semangat kebersamaan dan identiti bersama. Kebawah Duli Yang Maha Mulia pernah bertitah pada Majlis Santap Negara bagi meraikan lawatan negara Presiden Republik Filipina tahun lalu bahawa adalah penting bagi kita berusaha untuk bersepadu secara politik, bersepadu dari segi ekonomi dan bertanggungjawab dari segi sosial bagi manfaat rakyat kita sebagaimana yang digariskan dalam Wawasan Komuniti ASEAN 2025.

Selain itu, Negara Brunei Darussalam telah dipilih menjadi tuan rumah bagi mempengerusi Mesyuarat Ke-7 Menteri-Menteri ASEAN mengenai Kebudayaan dan Kesenian (AMCA), Mesyuarat Ke-12 Pegawai-pegawai Kanan mengenai Kebudayaan dan Kesenian (SOMCA) serta Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan dengan Rakan Dialog dari 21 hingga 25 Ogos 2016 yang berlangsung di Jabatan Perdana Menteri dengan tujuan untuk menetapkan dasar dan strategi menggalakkan sektor budaya serta seni di rantau ASEAN.

Selain itu, Negara Brunei Darussalam telah menjadi perhatian global apabila berjaya meraih kemenangan berganda naib juara dan tempat ketiga masing-masing dalam Anugerah Tenaga ASEAN berprestij di bawah projek Tenaga Diperbaharui (RE) dan Kecekapan Tenaga & Pemuliharaan (EEC) melalui kaedah inovatif dan revolusi untuk menjimatkan tenaganya pada bulan September tahun lalu.

Anugerah Tenaga ASEAN yang diadakan setiap tahun ini mencari projek-projek yang mampan, mempamerkan keaslian, penyelesaian berasaskan pasaran, faedah alam sekitar dan sumbangan sosioekonomi yang signifikan.

Pada anugerah tahun ini, Negara Brunei Darussalam telah mengemukakan empat penyertaan iaitu dua penyertaan bagi Kategori RE yang disertai bersama oleh Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri (EIDPMO), Jabatan Perkhidmatan Elektrik (DES), Institut Penyelidikan Tenaga Kebangsaan Brunei (BNERI) dan BIT Computer Sdn. Bhd. dan dua catatan lain dalam Kategori EEC telah dikemukakan oleh Kementerian Pertahanan dengan kerjasama EIDPMO.

Menjana industri pelancongan



Oleh :
Hajah Siti Zuraiyah
Haji Awang Sulaiman

INDUSTRI pelancongan merupakan sektor yang dikenal pasti berpotensi untuk dimajukan bagi menyumbang ke arah pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi; menjana peluang pekerjaan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta mengurangkan aliran perbelanjaan keluar negara.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan selaku agensi yang bertanggungjawab dalam mengukuhkan industri pelancongan di negara ini komited dalam memastikan sektor perkhidmatan pelancongan menjadi salah satu penyumbang besar pada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara, terutamanya dalam industri bukan minyak dan gas.

SASARAN JUMLAH PELANCONG

Menurut Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, pada tahun 2015, sektor pelancongan menyumbang 1 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan jumlah pelancong seramai 218,213 pelancong dengan hasil pendapatan sebanyak BND70 juta dan mendukung sebanyak 2,862 pekerjaan.

Sektor pelancongan menasaskan jumlah pelancong seramai 451,000 pelancong dengan hasil pendapatan sebanyak BND335 juta dan menjana peluang pekerjaan sebanyak 3,862 orang pada tahun 2020.

Sehubungan itu, penyediaan Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Pelancongan lima (5) tahun (2016-2020) adalah sebagai panduan rujukan bagi merealisasikan sumbangan industri pelancongan ke arah KDNK melalui langkah-langkah strategik jabatan yang telah dikenal pasti serta mengukuhkan dan meningkatkan profil sektor pelancongan di Negara Brunei Darussalam.

LANGKAH DAN STRATEGI

Pelbagai usaha dan inisiatif telah pun dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi menarik lebih ramai lagi pelancong ke negara ini.

Antara strategi-strategi Jabatan Kemajuan Pelancongan yang diberi tumpuan adalah mengukuhkan produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk menarik lebih ramai pelancong; peningkatan kemudahan-kemudahan asas pelancong; peningkatan produk pelancongan emerging; peningkatan kualiti perkhidmatan pelancongan melalui kerjasama dengan termasuk kementerian-kementerian, ejen-ejen pelancongan, pemandu pelancong, *stakeholders* syarikat penerbangan, pengangkutan serta pengusaha penginapan dan mengemas kini perundangan, piawaian, garis panduan, pelaksanaan program-program latihan dan lain-lain; dan menggunakan

kaedah Public-Private Partnership (PPP) di mana bersesuaian supaya lebih berkesan sambil membantu mengurangkan beban perbelanjaan kerajaan.

Jabatan Kemajuan Pelancongan akan terus meningkatkan usaha dalam melaksanakan projek-projek yang telah dirancang untuk dilaksanakan di sepanjang tempoh lima (5) tahun ini bagi memastikan jumlah pelancong antarabangsa yang datang berkunjung untuk melancong di Negara Brunei Darussalam serta pendapatan pelancongan (*tourism receipt*) bagi industri pelancongan, akan dapat terus ditingkatkan bagi memastikan industri-industri di bawah pengurusan dan kendalian kementerian ini akan dapat terus menyumbang secara signifikan kepada usaha untuk meningkatkan KDNK. Antara matlamat strategik Jabatan Kemajuan Pelancongan adalah untuk mengukuhkan 'Temburong, Kampong Ayer dan Bandar Seri Begawan' sebagai produk pelancongan primer dan destinasi tarikan utama pelancongan di rantau ini dan di peringkat antarabangsa.

Selain itu bagi memperkembangkan produk-produk baru (*emerging products*) yang berpotensi lagi menarik sama ada berbentuk destinasi seperti Sungai Basong atau yang berbentuk aktiviti seperti *Bird Watching*, *Diving*, *Summer School*, Pesta Kikik, Pesta Buah-buahan dan lain-lain.

PAKEJ PELANCONGAN

Sehubungan itu, dalam usaha mengukuhkan *primary* produk pelancongan di negara ini, Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong dan Pengusaha Pelancong Temburong telah melancarkan lapan Pakej Percutian tiga hari dua malam (3D2N) Temburong yang unik pada 1 September 2016 yang lalu dan Pakej Pelancongan Bandar Seri Begawan dan Kampong Ayer Warisan Negara yang telah dilancarkan pada 7 Januari 2017.

Pakej Percutian Temburong menawarkan penginapan yang menarik bagi percutian berbulan madu seperti bermalam di Resort Ulu-ulu Temburong, pengembaraan menarik di rumah persinggahan hutan hujan untuk keluarga atau menikmati pengalaman *glamping* (perkhemahan glamor) yang menyeronokkan dengan rakan-rakan di sepanjang tebing Sungai Temburong.

Pelancong yang membeli pakej-pakej berkenaan juga akan dapat memilih makanan tempatan yang halal, unik dan lazat, di samping menikmati pemandangan dan bunyi-bunyi di Hutan Hujan Tropika yang asli.

Manakala Pakej Pelancongan Bandar Seri Begawan dan Kampong Ayer Warisan Negara merangkumi lapan pakej pelancongan, iaitu *Full Day City and Water Village Tour*, *Half Day City Tour*, Kampong Ayer, *Sunset River Safari*, *Night City Tour*, *Heritage Drive*, *Bandar Seri Begawan Walking Tour* dan Proboscis Monkey Tour.

Di antara objektif utama pelancaran Pakej Pelancongan Bandar Seri Begawan dan Kampong Ayer Warisan Negara adalah bagi mengetengahkan produk-produk pelancongan yang sedia ada di Kampong Ayer dan Bandar Seri Begawan; meningkatkan usaha ejen-ejen pelancongan agar lebih aktif memasarkan produk-produk pelancongan sama ada dalam negeri dan juga antarabangsa; menggalakkan ejen pelancongan untuk menawarkan *indicative price* yang berpatutan dan menggalakkan penduduk tempatan untuk melancong di dalam negeri terutamanya semasa musim cuti persekolahan.

Pada majlis pelancaran Pakej Pelancongan BSB dan Kampong Ayer Warisan Negara turut diselajurkan dengan pelancaran Pusat Maklumat Pelancong yang bertujuan bagi memudahkan lagi para pelancong yang berkunjung di negara ini untuk mendapatkan maklumat mengenai tempat-tempat yang menarik dan kemudahan-kemudahan pelancongan di negara ini.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa berucap pada Majlis Pelancaran Destinasi Percutian Temburong bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyatakan bahawa tumpuan strategik segera Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan adalah pengkhususan pada pembangunan dan

menaik taraf produk, yang mana tiga kategori produk pelancongan telah dikenal pasti, iaitu ‘produk utama’ (*primary products*), ‘produk baru muncul’ (*emerging products*) dan ‘produk pelancongan berasaskan aktiviti’ (*activity-based tourism products*).

Alam semula jadi dan ekosistem Temburong yang dipelihara jelasnya, kekal sebagai titik jualan utama destinasi pelancongan digabungkan dengan pelbagai etnik serta budaya tempatan juga penduduk-penduduk yang ramah, kedamaian, ketenangan dan persekitaran bersih, bebas dari trafik menjadikan Temburong destinasi percutian keluarga yang sesuai.

Dalam usaha untuk membangunkan Temburong katanya, pihak kementerian telah bekerjasama rapat dengan pihak-pihak berkepentingan terutama Pejabat Daerah Temburong dan semua produk pelancongan serta pembekal perkhidmatan juga masyarakat tempatan Temburong untuk mencipta dan menghasilkan pakej-pakej percutian menarik bagi semua peringkat umur kumpulan.

Yang Berhormat turut menggesa semua pihak berkepentingan pelancongan termasuk agensi-agensi pelancongan, syarikat-syarikat penerbangan, pengusaha-pengusaha bot, pembekal-pembekal penginapan dan komuniti-komuniti tempatan untuk meningkatkan dan bekerja secara kolektif bersama-sama dalam membina Temburong sebagai destinasi percutian pilihan dan destinasi pelancongan lain secara amnya.

Dalam pada itu, Jabatan Kemajuan Pelancongan juga melaksanakan beberapa langkah pembaikan utama antaranya dengan mengukuhkan produk-produk pelancongan yang berpotensi menarik lebih ramai lagi pelancong dalam dan luar negara, Meningkatkan kualiti kemudahan pelancongan bagi memberikan keselesaan kepada pengunjung-pengunjung melalui aktiviti-aktiviti, Meningkatkan kursus dan program hospitaliti, Penubuhan Lembaga Pelancongan Brunei (BTB); Meningkatkan Promosi dan Pemasaran, Kemudahan Pemberian Visa serta Skim Pengkelasan Premis Penginapan Pelancongan.

Selain itu, Program Bandarku Ceria yang diusahakan oleh beberapa kementerian dan agensi-agensi serta pihak yang berkenaan juga merupakan salah satu alternatif yang boleh membantu dalam meningkatkan industri pelancongan di negara ini.

Tujuan utama program tersebut adalah untuk menghidupkan suasana Bandar Seri Begawan dan menjadikannya sebagai sebuah bandar yang dinamik, *vibrant* dan unggul. Selain itu, program juga dihasrat untuk mengukuhkan institusi kekeluargaan, membuka peluang kepada peniaga kecil-kecilan, mengurangkan *carbon footprint* dan menggalakkan cara hidup yang sihat.

Melalui pelbagai aktiviti yang disediakan seperti senamrobik, permainan kanak-kanak, penjualan produk Satu Kampung Satu Produk, gerai-gerai, penyewaan basikal dan sebagainya sekali gus akan dapat menarik bukan sahaja rakyat dan penduduk negara ini bahkan pelancong luar negara juga dapat sama-sama beriadah dan memeriahkan lagi program yang diadakan setiap hujung minggu itu.

KESIMPULAN

Jelas di sini bahawa industri pelancongan berperanan penting dalam menjana ekonomi dan pembangunan negara kerana ia salah satu dari pendapatan negara dan penduduk bagi jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang, sekali gus mampu membuka peluang pekerjaan yang luas.

Dalam hubungan itu, pelbagai usaha yang dilaksanakan memerlukan sokongan daripada semua pihak dalam memastikan kejayaan untuk memajukan industri pelancongan dan menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di mata dunia.

